



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

Jilid I

Bil. 13

Hari Rabu

27hb Februari, 1991

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang (Memperbadankan) Majlis Daya Pengeluaran Negara (Pindaan)	(Ruangan 33)
Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan)	(Ruangan 52)
Rang Undang-undang Audit (Pindaan)	(Ruangan 71)
Rang Undang-undang Kumpulan Wang Amanah Pencen	(Ruangan 89)
Rang Undang-undang Telekomunikasi (Pindaan)	(Ruangan 106)

MAIAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 27hb Februari, 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D 0 A

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

HOSPITAL BESAR KUALA TERENGGANU - PERKHIDMATAN

1. **Tuan Mustafa bin Awang** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah benar pihak Kementerian bercadang mahu menjadikan Hospital Besar Terengganu sebagai sebuah "Fakulti Perubatan Penyakit Jantung/Kulit" di kawasan Timur Semenanjung Malaysia. Jika benar ada rancangan, bilakah agaknya program ini akan dilaksanakan.

Timbalan Menteri Kesihatan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian tidak ada cadangan untuk menjadikan Hospital Besar, Kuala Terengganu sebagai sebuah Fakulti Perubatan Penyakit Jantung/Kulit di kawasan Timur Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun, selain dari perkhidmatan kardiologi, neurologi dan pembedahan plastik yang sedia ada, perkhidmatan kepakaran khusus yang lain akan diperluaskan ke Hospital Besar, Kuala Terengganu di masa hadapan.

Tuan Chong Chi Siong Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini kriterianya kepada sesuatu daerah untuk memohon mendirikan Hospital Daerah demi kebaikan penduduk tempatan?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, kriterianya bergantung kepada bilangan penduduk, jauhnya dari perkhidmatan yang sedia ada dan beberapa kriteria-kriteria lain termasuk kewangan.

SIARAN RADIO ENAM

2. Tuan C. Krishnan minta Menteri Penerangan menyatakan adakah Menteri sedar tentang pembatalan siaran-siaran kawasan radio enam (rangkaian merah) telah menimbulkan kesan-kesan buruk di mana maklumat-maklumat pembangunan tidak dapat disalurkan kepada masyarakat India di luar bandar. Adakah siaran-siaran kawasan dikekalkan seperti dahulu.

Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Railey bin Haji Jaffrey]:

Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telahpun dijawab pada 19hb bersama-sama dengan sebuah soalan yang sama dan saya tidak berhajat hendak menjawabnya sekali lagi dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

KRISIS TELUK - KENAIKAN HARGA MINYAK

3. Tuan David Yeoh Eng Hock minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan berhubung dengan Krisis Teluk dan kenaikan harga minyak petrol, pemaju-pemaju perumahan telah menunjukkan kebimbangan kemungkinan terhadap kenaikan dalam harga bahan-bahan binaan, maka mengakibatkan kelembapan dalam industri perumahan. Sama ada Kerajaan bercadang membantu pemaju-pemaju perumahan untuk memastikan supaya harga bahan-bahan pembinaan dari luar negeri dikawal demi memastikan supaya industri ini tidak terjejas.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dimaklumkan bahawa krisis Teluk telah menyebabkan harga runcit minyak petroleum premium naik daripada 103t seliter kepada 113t seliter dan harga runcit diesel naik daripada 50.7t seliter kepada 65.1 t seliter.

Walaupun kenaikan harga-harga barangan petroleum ini tidak begitu besar, tetapi kenaikan ini sedikit sebanyak telah menyebabkan beberapa industri, terutamanya yang menggunakan bahan pembakar mengalami pertambahan kos pengeluaran. Industri besi keluli telah mengalami kenaikan kos pengilangan kerana bahan minyak adalah sumber tenaga utama dalam pengilangan. Industri simen tidak terjejas sama sekali kerana ia menggunakan arang batu sebagai sumber pembakar utama.

Seterusnya industri pengangkutan juga turut terjejas dengan kenaikan harga minyak. Walau bagaimanapun, Kerajaan dengan kerjasama sektor swasta telah dapat membendung kemungkinan kenaikan harga dengan masing-masing menyerap kenaikan kos yang dialami. Hasilnya paras harga bahan-bahan binaan masih dapat dikekalkan di peringkat yang sedia ada sekarang.

Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada apa Yang Berhormat katakan bahawa harga-harga naik disebabkan oleh peperangan Teluk, boleh atau tidak Kerajaan membayangkan harga-harga barangan yang lain yang melibatkan sektor swasta demi untuk sama-sama bersiap sedia juga, sungguhpun itu juga tanggungjawab mereka, tetapi Kerajaan tentu sekali ada jentera yang lebih cekap untuk memberi amaran awal? Terima kasih.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Setahu kita kenaikan harga yang berkait dengan krisis Teluk itu hanyalah yang berkait dengan bahan-bahan petroleum. Yang lain-lain itu tidaklah terdapat kenaikan harga yang ketara.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apabila orang ramai hebohkan bahawa pengeluaran besi keluli tidak cukup di negara kita, maka Menteri mengeluarkan kenyataan bahawa ianya cukup, tetapi malangnya seminggu selepas itu pegawai dari Kementerian pula menyatakan bahawa benar, ia tidak cukup. Kenapakah jadi begini?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua sebenarnya mengikut rekod yang ada pada Kementerian, memang pengeluaran besi keluli itu cukup, tetapi telahpun terdapat sedikit sorokan dan apabila pihak Kementerian telah berjumpa dengan

pengeluar-pengeluar besi keluli, maka besi keluli itu telahpun dikeluarkan ke pasaran. Maka perkara itu telahpun diatasi dengan ada pula tindakan Kerajaan untuk membenarkan beberapa pengimport untuk mengimport besi keluli ini dari segi jangka pendek.

BUKU FITNAH DI PASARAN

4. Dr. Nordin Selat minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah dasar Kernenterian terhadap buku-buku fitnah yang begitu banyak dipasarkan pada masa ini.

Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad]: Tuan Yang di-Pertua, fitnah adalah satu perbuatan yang terkutuk. Dalam Al-Quran - Surah al-Baqarah, Ayat 191 telah mentakrifkan bahawa perbuatan memfitnah sebagai lebih besar bahayanya daripada membunuh. Demikianlah beratnya pandangan Islam terhadap fitnah. Ia boleh merosakkan seseorang individu, memecah-belahkah keluarga dan masyarakat serta merosakkan negara. Fitnah merupakan perbuatan berniat jahat yang timbul akibat pegangan kepada nilai-nilai yang buruk, tidak mengutamakan kebaikan dan ketenteraman. Ada banyak saluran-saluran tertentu yang dapat digunakan untuk meluahkan perasaan hati tanpa menyebarkan fitnah.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan perbuatan fitnah ini lebih banyak membawa mudarat dan akibat yang tidak baik, maka ianya haruslah diberhentikan. Cara yang terbaik adalah dengan menyemaikan sifat membencikan fitnah dalam masyarakat.

Kerajaan mempunyai dasar yang tegas terhadap penyebaran fitnah sekiranya didapati mana-mana buku mengandungi fitnah yang boleh merudatkan ketenteraman awam, menggugat keselamatan negara atau bercanggah dengan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Pindaan)1987, maka tindakan undang-undang akan diambil terhadap percetak, penerbit, penyunting dan penulis berita berkenaan. Namun demikian, sama ada berhasil atau tidak tindakan ini bergantung kepada penilaian yang diberi terhadap fitnah dalam sistem perundangan kita. Jika fitnah dipandang ringan dan mereka yang melempar fitnah tidak dihukum dengan setimpal, maka fitnah tentulah berleluasa.

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri sama ada pihak Kementerian Dalam Negeri akan meminda Akta atau membuat sesuatu untuk memastikan hukuman-hukuman setimpal itu menjadi sekurang-kurangnya, kalau tidak, mandatori sepertimana hukuman najis dadah kerana sepertimana Yang Amat Berhormat baru sahaja kata tadi masalah fitnah ini adalah satu perkara yang besar, bukan sahaja dari segi hukuman manusia tetapi dari segi hukuman Allah sama juga.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, ada perbezaan sedikit antara jenayah fitnah dengan jenayah pengedaran dadah, umpamanya, kerana dengan pengedaran kita dapat bukti yang jelas, kita juga dapat menentukan tahapnya dengan mengukur banyak mana dadah yang terlibat. Sebaliknya, berkenaan dengan fitnah amat sukar bagi membuat penilaian terhadapnya kerana walaupun pada pendapat setengah pihak fitnah itu berat, terutamanya mereka yang difitnahkan, tetapi ada pihak lain yang menganggap itu sebagai ringan dan semuanya terpulanglah kepada penilaian yang dibuat oleh mahkamah. Dengan itu,

walaupun kita membuat pindaan kepada Akta, ianya tidak mungkin berkesan selagi masyarakat tidak memandang berat terhadap fitnah yang dilakukan.

Tuan Mustafa bin Awang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga pohon soalan tambahan. Minta Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri, sehingga hari ini berapa banyakkah buku dan pengarang yang telah dikenalpasti sebagai penulis yang mefitnah dan buku yang menjadi sah fitnah?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak membuat satu penghitungan ataupun membilang buku yang melibatkan fitnah. Pada pendapat saya, banyaklah, terutama buku-buku dan akhbar-akhbar yang dikeluarkan oleh satu pihak tertentu. Tetapi yang kita khuatir ialah sementara kita menganggap fitnah, pihak yang menulis tidak menganggapnya sebagai fitnah. Sebaliknya, pihak yang menulis sendiri, yang pihak tertentu itu bila ada teguran dibuat kepadanya yang menganggap ini sebagai fitnah dan meminta supaya orang yang mefitnah itu meminta ampun daripadanya, sebelum dia kembali ke rahmatullah, kerana setelah dia kembali ke rahmatullah maka sukar hendak ampun jadi, inilah perbezaan pandangan kita dapati dalam masyarakat kita ini. Ini yang menyebabkan sukar bagi kita mengatasi masalah perbuatan fitnah, mengeluarkan buku dan sebagainya selagi masyarakat kita ini dipenuhi dengan orang yang bercakap sahaja berkenaan dengan agama Islam tetapi kelakuannya tidaklah mengikut lunas-lunas Islam.

Puan Hajah Salbiab binti Mohd. Akim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membuat soalan tambahan berkaitan dengan fitnah. Selain daripada buku, ada juga surat-surat fitnah tetapi bertandatangan, bagaimana tindakan kita terhadap mereka ini? Bolehkah kita mengambil tindakan, umpamanya ditangkap orang-orang yang membuat itu sebab dia tandatangani, menunjukkan keberaniannya membuat surat fitnah itu?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, memang boleh, kalau kita sanggup membawa kes ini ke mahkamah di bawah saman malu, umpamanya. Tetapi sama ada dianya akan mendapat kepuasan iaitu sama ada mahkamah bersetuju bahawa apa yang dilakukan itu adalah fitnah dan yang menjatuh hukuman terpulanglah kepada pihak mahkamah. Dan pendapat yang ada sekarang ialah tidak begitu mudah untuk menyakinkan mahkamah bahawa sesuatu itu merupakan fitnah. Dan oleh kerana sukar untuk menentukan ini maka ramai tidak sanggup membawa kes ke mahkamah, termasuk jugalah tuduhan-tuduhan yang dilempar terhadap Kerajaan dan anggota-anggota Kerajaan. Kita tidak mengambil tindakan dan kita menyerahkan kepada penilaian masyarakat terhadap perbuatan yang keji itu.

KOMODITI YANG VIABLE

5. **Tuan Dahalan bin Haji Embun** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah kedudukan perusahaan getah sekarang dan adakah komoditi ini masih viable.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, seperti Yang Berhormat sedia maklum, perusahaan getah asli merupakan industri berasaskan

pertanian yang kedua penting dari segi keluasan tanah dan pendapatan eksport selepas kelapa sawit. Walaupun pengeluaran telah menurun dalam dua-tiga tahun kebelakangan ini disebabkan oleh penurunan keluasan tanah getah dan tarikan tenaga buruh ke sektor-sektor lain, Malaysia terus merupakan negara pengeluar yang terbesar dengan mencatatkan 25.12% daripada pengeluaran getah asli dunia.

Usaha-usaha diteruskan melalui R&D untuk meningkatkan daya pengeluaran dan keefisyenan kos serta memperbaiki lagi kualiti getah asli Malaysia. Kita terus memberi penekanan dalam aspek kualiti supaya getah asli Malaysia dapat dijual dengan harga yang lebih baik. Dasar Kerajaan juga tertumpu kepada pembuatan barangan berasaskan getah seperti dicerminkan dalam penggunaan getah asli dalam industri berasaskan getah tempatan. Dengan demikian, pendapatan eksport barangan getah telah meningkat. Masih terdapat banyak peluang di mana perusahaan berasaskan getah dapat ditingkatkan di masa depan.

Dalam pasaran antarabangsa, harga getah asli ditentukan oleh permintaan dan penawaran. Dalam usaha untuk menstabil dan mempertahankan harga getah, Malaysia bersama-sama dengan negara-negara pengeluar lain serta dengan negara pengguna telah mewujudkan International Natural Rubber Agreement (INRA). Misalnya, ketika resessi dunia dalam awal tahun. 80an, perjanjian ini telah berjaya menahan harga getah dari menurun sebegitu teruk sekali melalui pembelian oleh Pengurus Stok Penimbal. Di bawah perjanjian ini, Pengurus Stok Penimbal mesti membeli lagi sekiranya harga menurun di bawah Malaysian/Singapore 166 sen/kg. iaitu paras harga mesti dibeli. Begitu juga getah yang dibeli akan dijual balik apabila pasaran pulih ke tahap yang baik (Malaysian/Singapore 249 sen/kg. iaitu paras harga mesti jual).

Dengan kekurangan buruh di sektor pertanian, R&D dipergiatkan untuk mencapai penemuan-penemuan teknologi menjimatkan penggunaan buruh. Prospek permintaan dalam jangka masa sederhana dan panjang adalah cerah, dan dengan mengambilkira pokok getah boleh juga digunakan sebagai sumber kayu-kayan, perusahaan getah asli di Malaysia boleh diperkukuhkan lagi untuk terus menjadi viable dan memainkan peranan yang penting dalam ekonomi negara.

KAD PENGENALAN BARU

6. **Tuan V.K. Sellapan** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan kenapa kad pengenalan baru yang dikenalkan dengan menggunakan gambar hitam/putih sahaja, melainkan kad-kad dan dokumen-dokumen Kerajaan seperti lesen pemandu, paspot antarabangsa. dan sebagainya boleh digunakan gambar berwarna.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kad pengenalan bukan sahaja digunakan oleh orang yang berada tetapi semua lapisan masyarakat tidak kira kaya atau miskin, dengan sebab itu, kos adalah menjadi kiraan yang penting bagi Kerajaan supaya ia tidak membebankan rakyat terutama golongan miskin.

Dengan sebab itulah mengapa gambar hitam/putih sahaja digunakan dalam kad pengenalan baru tidak sepertimana dokumen-dokumen yang lain seperti lesen memandu yang mana menggunakan gambar-gambar warna. Jabatan ini juga menganggap bahawa gambar hitam/putih ini lebih menepati dari segi keselamatan kerana ianya boleh tahan lama dan ciri-ciri keselamatan itu adalah lebih senang dikesan jika dibandingkan dengan gambar yang berwarna.

Puan Hajah Habidah binti Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri Dalam Negeri, bilakah kad pengenalan baru yang dimohon oleh Ahli-ahli Parlimen iaitu Ahli Dewan Negara dan Ahli Dewan Rakyat pada 25 Jun yang lepas akan diserahkan kepada kami menandatangani masa sudah agak begitu lama?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, tumpuan yang dilakukan oleh Jabatan Pendaftaran pada masa kini ialah kepada dua golongan masyarakat:-

- (i) Kanak-kanak yang telah mencapai umur 12 tahun.
- (ii) Mereka yang terpaksa menukar kad pengenalan yang mana
bila kita sampai umur 18 tahun.

Dua golongan ini sahaja hari ini bilangannya hampir 2 juta. Jadi, Jabatan Pendaftaran sedang menumpukan perhatian kepada dua golongan ini kerana bagi kita yang jadi Wakil Rakyat ini, saya ingat tidak bertukarlah wajah. Dengan sebab itu proses untuk mendapatkan kad pengenalan baru itu telahpun diadakan beberapa bulan yang lepas dan insyaAllah selepas Hari Raya iaitu pelancaran rasmi yang akan dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dijalankan maka kad-kad pengenalan itu akan sampai ke tangan Yang Berhormat sekalian.

Tuan Isli bin Haji Siput: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam proses pertukaran kad pengenalan baru ini, memang akan memakan masa yang agak lama sedikit. Soalan saya ialah seperti berikut:-

- (a) Berapa lamakah had diberikan bagi menukar kad pengenalan lama ke penukaran kad pengenalan baru?
- (b) Adakah mereka dibenarkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya menggunakan kad yang lama untuk membuang undi dalam mana-mana pilihanraya kiranya mereka belum sempat menukar kad yang lama kepada yang baru?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan (a), ialah selama 6 tahun diberi peluang kepada rakyat kita untuk menukar kad pengenalan mereka.

Yang kedua, jawabnya boleh. Kalaupun kad pengenalan lama itu telahpun diserahkan kepada Jabatan Pendaftaran kerana memproses kad pengenalan baru, surat pengesahan daripada Jabatan itu pun cukup dan sah untuk dipergunakan dalam urusan-urusan rasmi negara termasuklah pilihanraya.

KO-ORDINASI MELAKSANAKAN PROJEK KERAJAAN

7. **Tuan Dahalan bin Haji Embun** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan mengapakah masih berlaku masalah ko-ordinasi di antara jabatan-jabatan dalam pelaksanaan projek-projek, seperti masalah penyelarasan projek swasta yang memerlukan kemudahan asas dari pihak Kerajaan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, ko-ordinasi di antara jabatan-jabatan Kerajaan yang melaksanakan projek-projek Kerajaan bermula di peringkat daerah lagi. Peranan ini dijalankan oleh Jawatankuasa Tindakan Daerah di mana semua masalah pembangunan di daerah tersebut dapat dibincang dan diselesaikan. Projek swasta yang mempunyai masalah bolehlah juga dirujuk ke Jawatankuasa ini.

Perancangan pelaksanaan kemudahan asas seperti jalan raya (oleh Jabatan Kerja Raya), bekalan air (oleh Jabatan Bekalan Air), bekalan elektrik (oleh Tenaga Nasional) dan telefon (oleh Telekom Malaysia) dibuat berdasarkan keperluan ataupun permintaan semasa dan anjuran ke hadapan terhadap kemudahan asas tersebut. Jikalau sesuatu projek dibangunkan di satu kawasan yang tidak termasuk di dalam perancangan di atas, maka ada kemungkinan tidak kesemua kemudahan dapat dibekalkan serentak.

Sistem penyelarasan dan perancangan Kerajaan perlu difahami oleh semua pihak sebelum memulakan sesuatu projek. Jika sesuatu projek seperti projek perumahan hendak diadakan di sesuatu kawasan, makluman lebih awal hendaklah disampaikan kepada jabatan-jabatan berkenaan terutamanya yang membekalkan kemudahan-kemudahan asas supaya keperluan bagi projek itu boleh diambilkira di dalam perancangan jabatan-jabatan tersebut.

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Kementerian berkenaan, sejauh manakah

perancangan-perancangan ini dan juga ko-ordinasi yang dibuat di antara jabatan-jabatan Kerajaan untuk memastikan bahawasanya kemudahan-kemudahan yang diperlukan oleh para pelabur sepertimana kerumitan bekalan air yang sedang berlaku di Melaka dan juga tergambar sepertimana berlaku di Negeri Sembilan dan Johor telah diambil kira di dalam kerja-kerja ko-ordinasi tadi.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya ingin maklumkan bahawa bila kita sebutkan ko-ordinasi, ianya ko-ordinasi berperingkat-peringkat. Kalau di daerah, ko-ordinasinya ialah kalau bekalan air, mengadakan paip contohnya, tetapi kadang-kadang ia memerlukan perancangan mengadakan bekalan air itu sendiri, iaitu punca dan juga simpanan bekalan air. Ini adalah projek yang lebih besar dan memerlukan perancangan yang lebih luas daripada perancangan pembangunan daerah sendiri. Walau bagaimanapun, secara menyeluruh, Kerajaan telahpun memberi perhatian kepada pembangunan prasarana baik di dalam bekalan elektrik dan bekalan air ataupun bekalan talian telefon dan sebagainya. Saya percaya kemudahan-kemudahan ini akan terus diberikan terutamanya bila ada penambahan pelabur-pelabur yang masuk untuk melabur di dalam negara baru-baru ini, perancangan dan juga tindakan-tindakan sedang dibuat oleh Kerajaan untuk menambahkan pelaksanaan. Mungkin di setengah-setengah tempat ada masalah-masalah tertentu yang tidak dapat diselesaikan segera tetapi, insya Allah, dalam perancangan jangka panjang ini akan diambil tindakan.

PRESTASI PELAJARAN BAHASA CINA/INGGERIS

8. Datuk Tiong Riew King minta Menteri Pendidikan menyatakan memandangkan KBSR dan KBSM telah diperkenalkan sekian lama dan mutu pencapaian bahasa Cina dan bahasa Inggeris makin menurun atau lebih rendah berbanding mutu peperiksaan luar negeri:-

- (a) apakah Kementerian telah mengadakan suatu kajian tentang taraf pencapaian pelajaran murid-murid di sekolah -sekolah menengah dan rendah kebangsaan atau jenis kebangsaan, kelemahan-kelemahan dalam pelaksanaan kurikulum-kurikulum baru itu. Jika ada, bilakah Kementerian sedia mengemukakan laporan kajian tersebut;
- (b) apa-apa langkah telah dan sedang diambil untuk meningkatkan mutu pencapaian dalam matapelajaran-mata pelajaran Bahasa Kebangsaan dan bahasa Cina yang dapati telah menurun.
 - melatih dan menyediakan lebih banyak guru-guru Bahasa Kebangsaan dan bahasa Cina setiap tahun untuk sekolah rendah kebangsaan dan jenis kebangsaan.
 - meningkatkan kemahiran guru-guru dalam bidang-bidang tersebut;
mengubah dan menambah isi-kandungan buku-buku teks; dan
- (c) apakah langkah-langkah telah dan sedang diambil untuk meningkatkan mutu pencapaian bahasa Inggeris di sekolah menengah.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar dakwaan Ahli Yang Berhormat yang menyatakan prestasi pelajar dalam matapelajaran bahasa Cina dan

bahasa Inggeris bagi peperiksaan kebangsaan makin menurun. Sebenarnya pencapaian pelajar dalam matapelajaran bahasa Cina dan bahasa Inggeris adalah meningkat dan memuaskan seperti yang terbukti dalam keputusan peperiksaan UPSR dan SRP.

Sungguhpun pelajar-pelajar yang mengikuti KBSM sepenuhnya masih belun lagi memasuki peperiksaan awam tetapi kajian-kajian yang telah dijalankan di sekolah tidak menunjukkan sebarang penurunan dalam prestasi matapelajaran tersebut.

Adalah juga tidak benar untuk membandingkan prestasi bahasa Inggeris dan bahasa Cina yang berorientasikan kurikulum dan peperiksaan kebangsaan di Malaysia dengan kurikulum dan peperiksaan luar negeri, kerana sukatan pelajaran dan kriteria penggredan adalah berbeza.

Tuan Yang di-Pertua, berikut adalah jawapan bagi soalan bahagian (a), (b) dan (c).

- (a) Kementerian Pendidikan ada menjalankan kajian pengesanan terhadap mutu pencapaian semua matapelajaran termasuk bahasa Cina, bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Seminar Kebangsaan Penilaian Pelaksanaan KBSR juga telah diadakan pada bulan Mei 1990.

Melalui seminar tersebut beberapa maklumbalas mengenai taraf pencapaian pelajar dalam semua matapelajaran di peringkat KBSR telah dikenalpasti,. Sementara itu bagi KBSM, kajian yang menyeluruh akan hanya dapat dijalankan setelah pelaksanaannya berjalan sepenuhnya. Oleh kerana kajian penilaian ini masih lagi berjalan keputusannya belum dapat diumumkan.

(b) Kementerian Pendidikan sentiasa berusaha mempertingkatkan mutu pencapaian dalam mata-matapelajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina dengan mengambil langkah-langkah berikut:

- (i) Menambah bilangan guru yang terlatih.
- (ii) Meningkatkan kemahiran guru-guru dengan mengadakan kursus dalam perkhidmatan.
- (iii) Menjalankan Rancangan Bacaan Tambahan Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Cina.
- (iv) Mengeluarkan Jurnal Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa.
- (v) Mengeluarkan-bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran Bahasa untuk panduan guru-guru.
- (vi) Menjalankan aktiviti bahasa di sekolah-sekolah seperti Pertandingan Syarahan dan Ujian Bertulis.
- (vii) Mengawas dan menyelia pengajaran bahasa oleh Jemaah Nazir Sekolah dan pegawai-pegawai pendidikan.
- (viii) Menyesuaikan isi kandungan buku-buku teks dalam kurikulum KBSR dan KBSM.

(c) Di antara tindakan dan program yang sedang dan akan dijalankan untuk mempertingkatkan taraf bahasa Inggeris di sekolah menengah adalah seperti berikut:

- (i) Menambah bilangan guru yang terlatih.
- (ii) Memberi kursus dalam perkhidmatan.
- (iii) Program-program bahasa Inggeris melalui radio dan TV Pendidikan.
- (iv) Menyelaras program bahasa Inggeris di Sekolah.
- (v) Memperkenalkan pengajaran Kesusasteraan dalam bahasa Inggeris melalui program 'Class Readers'.
- (vi) Membekalkan nota panduan guru untuk membantu guru-guru menyediakan aktiviti-aktiviti komunikasi yang menarik.
- (vii) Penerbitan Jurnal Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa.
- (viii) Mengadakan jawatankuasa yang mengkaji taraf penguasaan bahasa Inggeris di kalangan guru dan pegawai pendidikan.
- (ix) Program penilaian 'formative' bagi tujuan mengesan dan mengatasi masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar, guru-guru dan pentadbir-pentadbir pendidikan bahasa Inggeris.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada benar ataupun tidak pada tahun 1990 terdapat lebih kurang 35,000 orang murid yang memasuki Tingkatan I tidak boleh membaca, mengira dan menulis dengan baik?

Dr Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang tidak benar Mengikut keputusan UPSR, kita telah melihat satu trend yang menggalakkan iaitu peratusan yang lulus dalam semua matapelajaran yang kita ajar dalam sekolah rendah sama ada di Sekolah Kebangsaan atau di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan telah bertambah.

Mengikut angka-angka yang saya ada khususnya mengenai soalan-soalan yang telah ditanya iaitu misalnya untuk bahasa Cina dalam Ujian Penulisan seramai 76.4% telah lulus dalam ujian tersebut pada tahun 1990 berbanding dengan 63.7% pada tahun 1989 iaitu kalau kita banding kedua-dua tahun itu kadar kelulusan telah naik dengan kadar 12.7%.

Bagi bahasa Inggeris pula kadar kelulusan pada tahun 1990 ialah 72.7% dibandingkan dengan 69.4% iaitu menunjukkan satu trend yang menggalakkan. Kerana soalan ini adalah khas untuk matapelajaran bahasa Cina dan bahasa Inggeris, saya tidak ada butir di sini untuk pencapaian dalam Bahasa Malaysia, tetapi saya boleh jawab secara bertulis. Tetapi saya boleh memberi jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia **ini**, kadar pencapaian itu telah menunjukkan satu trend yang menggalakkan iaitu kita melihat satu trend di mana pencapaiannya telah bertambah.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin tahu sedikit sahaja daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana dua soalan daripada rakan saya semuanya Yang Berhormat jawab tidak benar. Jadi di masa Yang Berhormat menjawab tadi, Yang Berhonnat mengatakan tidak ada perangkaan dalam tangan Yang Berhormat. Jadi, kalau sekiranya ada perangkaan besok nanti ada benda yang benar, sanggupkah Yang Berhormat menarik balik tuduhan kata 'tidak benar - tidak benar' pada hari ini seperti yang disebutkan dalam Dewan ini? Itu yang saya ingin tahu.

Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak tahu apa soalan itu, tetapi apa yang saya jawab ialah apabila kita melihat dari segi keputusan atau dari segi kadar kelulusan dalam peperiksaan-peperiksaan yang kita ada, kita telah mendapati satu trend di mana pencapaian-pencapaian dalam peperiksaan tersebut telah menunjukkan satu trend yang menggalakkan iaitu satu trend yang positif di mana kadar kelulusan telah bertambah dari tahun ke setahun. Kita juga telah mengambil beberapa langkah untuk mempertingkatkan lagi penguasaan dalam semua bahasa termasuk Bahasa Malaysia, bahasa Cina, bahasa Inggeris dan juga bahasa Tamil di Sekolah Rcn dah Jenis Kebangsaan Tamil.

Langkah-langkah yang telah saya terangkan dalam jawapan saya tadi telah diambil oleh Kementerian Pendidikan dan ia menunjukkan kesan yang positif iaitu telah mempertingkatkan taraf pencapaian.

Izinkan saya menambah jawapan saya. Kalau kita lihat dari segi kurikulum UPSR dan KBSM yang kita telah laksanakan pada masa

sekarang kita telah tambah jumlah waktu untuk matapelajaran dalam bahasa-bahasa khususnya Bahasa Malaysia, bahasa Cina dan bahasa Tamil, dan oleh kerana kita telah tambah waktu untuk mempelajari bahasa-bahasa tersebut, kita memang telah dapat satu bukti yang menunjukkan penguasaan pelajar-pelajar kita dalam bahasa tersebut telah naik.

KEMALANGAN JALAN RAYA - MENGURANGKAN

9. **Puan Law Jack Yoon** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) setakat ini, bilangan kemalangan jalan raya yang berpunca dari pemandu-pemandu kenderaan yang mempunyai:
- (1) 1 hingga 5 tahun pengalaman;
 - (ii) 6 hingga 20 tahun pengalaman;
 - (iii) lebih daripada 21 tahun pengalaman; dan
- (b) langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan kemalangan jalan raya di setiap kumpulan tersebut.

Timbalan Menteri Penangkutan [Datin Paduka Hajah Zaleha binti

Ismail]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) bilangan kemalangan jalan raya yang berpunca dari pemandu-pemandu kenderaan yang mempunyai tempoh pengalaman yang berlainan adalah seperti berikut:

	Terlibat Dalam Kemalangan	
	1989	1990 (Jan-Sept)
(i) bagi yang berpengalaman 1 hingga 5 tahun	35,880 orang	29,317 orang
(ii) bagi yang berpengalaman 6 hingga 10 tahun	18,704 "	16,623
(iii) bagi yang berpengalaman lebih daripada 10 tahun	10,322 "	10,039

- (b) langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan kadar kemalangan pada amnya ditujukan kepada semua golongan pemandu dan pengguna jalan raya di seluruh negara dan tidak ditujukan khusus kepada setiap kumpulan pemandu dari segi pengalaman mereka. Bagaimanapun bagi memastikan bakal-bakal pemandu mendapat pengetahuan yang secukupnya dari aspek memandu, Kerajaan telah menguatkuasakan 'Kurikulum Baru Sekolah Memandu' mulai 1 Februari 1991. Dalam Kurikulum Baru Sekolah Memandu ini bakal pemandu yang hendak mendapatkan lesen memandu perlu menghadiri kelas sekurang-kurangnya 5 jam sebelum dibenarkan mengambil ujian bertulis/lisan dan ujian-ujian praktikal yang berkaitan.

Kementerian Pengangkutan juga sedang menimbang cadangan untuk melaksanakan lesen Pra-sah atau Probationary Licence, dengan izin, iaitu Lesen Percubaan di mana seseorang bakal pemandu yang telah lulus ujian-ujian memandu diletakkan di bawah percubaan 1-3 tahun. Selepas itu jika tidak melakukan kesalahan berat yang ditentukan maka tempoh percubaan bagi bakal pemandu akan dimansuhkan.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Benarkah kebanyakan pegawai-pegawai Kerajaan Kumpulan A berhak untuk melaporkan kepada Kementerian Pengangkutan mengenai pemandu-pemandu yang memandu kereta dengan bahaya tetapi mereka ini enggan melaporkan kepada Kementerian kerana mereka harus menjadi saksi apabila kes itu disiasat. Adakah cara-cara yang lain di mana pegawai-pegawai daripada kumpulan A boleh melaporkan tanpa hadir di dalam mahkamah sebagai saksi?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, kita katakan benar kerana kita dapati kecil sangat bilangan pegawai-pegawai Kumpulan A yang melaporkan kesalahan-kesalahan lalu-lintas jalan raya yang dilakukan oleh pemandu-pemandu semasa mereka berada di jalan raya iaitu mereka nampak kejadian-kejadian ini dan boleh melaporkan dengan mengisikan satu borang kejadian-kejadian atau kesalahan-kesalahan yang dilakukan itu. Saya tidak tahulah bagaimana cara pula, kalau perlu pegawai itu menjadi saksi tanpa hadir. Rasa saya itu tidak boleh dilakukan. Kalau kita hendak menjadi saksi, kita mesti hadir. Anggapan ialah kerana mereka ini terpaksa menjadi saksi di mahkamah jika diperlukan, maka ianya menjadi satu deterrent, dengan izin, atau satu keengganan di pihak pegawai-pegawai ini. Cuma yang kita harapkan sesiapa juga yang diberikan hak atau kuasa untuk membuat laporan hendaklah bertanggungjawab jika kita ingin melihat bahawa kadar kemalangan jalan raya di negara kita ini dikurangkan.

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Kementerian Pengangkutan kerana usaha-usaha yang sedang dibuat. Cuma satu pertanyaan saya iaitu hingga hari ini sejauh

manakah tindakan diambil oleh pihak Kementerian untuk mengatasi tempat-tempat yang telah dikenalpasti menjadi kawasan pembunuh di jalan-jalan raya di seluruh negara?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha ini telah dijalankan oleh Majlis Keselamatan Jalanraya di bawah Jawatankuasa Kejuruteraan yang tanggungjawab itu diberikan kepada Kementerian Kerja Raya, iaitu Jawatankuasa Kejuruteraan ini mengenalpasti tempat yang dikatakan black spots, dengan izin, iaitu sebanyak 200 tempat di seluruh rangkaian jalan raya dan lebuh raya yang dahulu kita kenalpasti dan apabila Jabatan Kerja Raya melaksanakan pembaikan dan menyelenggarakan jalan-jalan ini, semua tempat-tempat ini diambil tindakan iaitu diambil kira supaya dapat diperbaiki sama ada selekohnya terlalu tajam ataupun tempat itu licin atau berbagai-bagai lagi, semuanya diambil kira dan ini terus dilaksanakan dari masa ke semasa. Tetapi kita juga meminta kepada pengguna-pengguna jalan raya walaupun usaha-usaha kejuruteraan ini dilaksanakan oleh Kementerian dan Jabatan-jabatan yang berkenaan, tetapi pengguna-pengguna jalan raya hendaklah berhemat, berdisiplin untuk menjaga keselamatan masing-masing dan juga bertanggungjawab bersama menjaga keselamatan pengguna-pengguna jalan raya yang lain.

KEMATIAN KANAK-KANAK DI DUNIA

10. Puan Lau Jack Yoon minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan mengenai kematian kanak-kanak seramai empat puluh ribu setiap hari di dunia kita:

- (a) berapa peratus kematian itu adalah dari negara kita; dan
- (b) usaha-usaha yang diambil oleh negara kita untuk mencapai matlamat kemuncak dunia untuk kanak-kanak iaitu "World Summit For Children" di Ibu Pejabat Bangsa-bangsa Bersatu New York.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Tuan Yong Khoo Seng): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan:

- (a) Jumlah kematian kanak-kanak di negara kita berbanding dengan keseluruhannya di dunia dianggarkan sebanyak 0.06%.
- (b) Di antara usaha-usaha negara kita adalah seperti berikut:
- (i) meningkatkan mutu kehidupan dan menurunkan kadar kemiskinan melalui program pembangunan sosio-ekonomi;
 - (ii) memperluaskan perkhidmatan kesihatan di seluruh negara, khususnya pelaksanaan Perkhidmatan Ibu dan Kanak-kanak di kawasan luar bandar dan program kesihatan sekolah serta program kesihatan keluarga termasuk perancang keluarga bagi menjarakkan kelahiran;
 - (iii) meningkatkan taraf pendidikan dengan memperluaskan kemudahan dan peluang persekolahan;
 - (iv) menjalankan program dan aktiviti pembangunan keluarga untuk memberi bimbingan kepada orang ramai dalam aspek-aspek kehidupan kekeluargaan termasuk keibubapaan dan penjagaan anak;
 - (v) meningkatkan kemudahan awam seperti bekalan air, elektrik, kebersihan alam sekitar, pengangkutan dan sebagainya;
 - (vi) melaksanakan program-program untuk mengatasi masalah sosial seperti ketagihan dadah dan penganiayaan kanak-kanak dan membina satu masyarakat ikram; dan
 - (vii) memperkukuhkan institusi keluarga dalam pemeliharaan dan pendidikan kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua; Soalan tambahan yang akhir sekali.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, adalah dianggarkan sebanyak 0.06% atau 24 orang kanak-kanak meninggal dunia setiap hari di negara kita. Apakah sebab-sebabnya kematian kanak-kanak itu dan dalam negeri manakah banyak sekali kes kematian kanak-kanak?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya akan menjawab soalan yang akhir sekali. Apa yang saya tahu negara yang mempunyai kadar kematian kanak-kanak yang tertinggi sekali adalah negara Afghanistan.

Tuan Yang di-Pertua: Negeri di Malaysia atau negara?

Puan Law Jack Yoon: Negeri di Malaysia.

Tuan Ong Ka Ting: Saya tiada angka, Tuan Yang di-Pertua. Sebab kematian adalah dari segi kesihatan, sosio ekonomi dan ini semua adalah berkaitan dengan kematian.

PEJABAT POS DI BANDAR BARU SALAK TINGGI

L1. **Tuan V. K. Sellappan** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah cadangan untuk membina sebuah bangunan Pejabat Pos di Bandar Baru Salak Tinggi, Ibukota Daerah Sepang, Negeri Selangor Darul Ehsan; dan jika ya, bilakah ia akan dilaksanakan.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos memang sedar akan pertumbuhan Bandar Baru Salak Tinggi yang merupakan perkembangan yang penting untuk kawasan berkenaan. Sehubungan dengan itu pihak Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos akan menubuhkan sebuah Pejabat Pos untuk memenuhi permintaan itu. Pada masa kini sebuah Pejabat Pos Mini di Bandar Baru Salak Tinggi akan ditubuhkan untuk memberikan perkhidmatan pos kepada orang ramai dan dijangka akan mula beroperasi pada bulan Julai tahun ini.

MONOPOLI DALAM INDUSTRI TELEKOMUNIKASI

12. **Tuan V. K. Sellappan** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) sama ada Kementerian menggalakkan monopoli perkhidmatan Telekom dan Perkhidmatan Elektrik; dan
- (b) bolehkah Kementerian membenarkan lebih dari satu syarikat untuk memberi perkhidmatan Telekom dan perkhidmatan Elektrik dan ia akan menandingi untuk meningkatkan mutu perkhidmatannya.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan soalan (a) dan (b) adalah berkaitan, saya mohon izin untuk menjawabnya sekali gus.

Kementerian pada dasarnya tidak menggalakkan monopoli dalam industri Telekomunikasi. Walau bagaimanapun, di mana didapati struktur monopoli adakah struktur yang paling efisien dan paling wajar, pihak Kerajaan akan membenarkan struktur sedemikian wujud. Selain daripada itu, adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menggalakkan persaingan yang sewajarnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat seterusnya, struktur pasaran industri Telekomunikasi pada masa kini adalah seperti berikut:

- (i) Sektor pertama iaitu pengendali utama (primary operators) yang mengendalikan rangkaian asas dan perkhidmatan asas seperti telefon, telegram dan teleks. Di sektor ini Telekom Malaysia adalah pengendali tunggal dan mempunyai monopoli buat masa ini.

(ii) Sektor kedua, iaitu pengendali sekunder (secondary operator) yang mengendalikan perkhidmatan dan rangkaian tambah nilai seperti MAYPAC, MAYCIS, Telepoint dan Videotext, Cellular Mobile Telephone (ATUR), Paging dan Sistem Trunk Radio.

Di sektor ini dibenarkan persaingan yang terhad, iaitu bilangan pelesen ditentukan oleh saiz dan kemampuan pasaran.

(iii) Sektor ketiga, iaitu Pengendali Rangkaian Persendirian dan Rangkaian Khusus (Operator of Private and Specific User Group Network) seperti Rangkaian ATM.

Sektor ini juga dicirikan oleh persaingan yang terhad.

(iv) Sektor keempat dan terakhir ialah Pembekal Radas Pelanggan (Customer Preinises Equipment Providers).

Di sektor ini terdapat persaingan terbuka. Para pembekal perlu berdaftar dengan Jabatan Telekom dan alat-alat perlu mendapat kelulusan piawaian.

TENGGU RAZALEIGH HAMZAH DALAM SKANDAL BMF

13. **Tuan Hassan bin Harun** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Bahagian Jenayah Komersil Polis Di Raja telah memulakan penyiasatan ke atas tuduhan Lorraine Osman bahawa Tengku Razaleigh Hamzah adalah bertanggungjawab dalam skandal BMF. Kalau belum, kenapa.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, pihak Polis sedang mengkaji semula keseluruhan aspek kes BMF untuk menentukan sejauhmana perlu didalami lagi penyiasatannya. Bantuan pihak British mungkin akan diminta kalau diperlukan. Memandangkan kes ini begitu kompleks, kita tidak dapat pastikan dengan tepat tarikh siasatan ini dapat disempurnakan.

LESEN KENDERAAN/KERETA TERPAKAI

14. **Puan Hajah Habidah binti Jusoh** ~~minta~~ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan setakat ini berapa banyak lesen-lesen kenderaan/kereta-kereta terpakai oleh Kementerian ini untuk pengusaha-pengusaha membawa masuk kenderaan tersebut menurut jenis kenderaan, dan berapa lamakah satu-satu lesen itu dibenarkan.

Dato Dr. K.S. Nijhar: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang tahun 1990 bilangan lesen import yang dikeluarkan mengikut jenis kenderaan adalah seperti berikut:-

Kereta Penumpang Terpakai	-	8,088	lesen
Kereta Penumpang Baru	-	565	"
Kenderaan Perdagangan Terpakai	-	2,028	"
Kenderaan Perdagangan Baru	-	100	"
Kenderaan Dua Guna Terpakai	-	66	"
Kenderaan Dua Guna Baru	-	71	"
Motosikal Terpakai	-	67	"
Motosikal Baru	-	296	"

Mengenai berapa lamakah satu-satu lesen itu dibenarkan, dimaklumkan bahawa tempoh satu-satu lesen adalah selama 6 bulan. Perlanjutan pula boleh dipertimbangkan selama 3 bulan lagi dengan alasan yang munasabah.

KEMPEN KELUARGA BAHAGIA

15. **Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan selepas "Kempen Hari Keluarga Kebangsaan" adakah kemungkinan atau kesedaran supaya orang-orang tua yang ditinggalkan di Rumah-rumah Kebajikan diambil pulang semula oleh ahli-ahli keluarga. Berapa ramaiakah bilangan mereka sekarang.

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi amalan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat untuk menggalakkan orang-orang tua yang tinggal di institusi-institusi kebajikan, diambil untuk tinggal bersama-sama. dengan keluarga mereka. Amalan ini telahpun dipertingkatkan lagi pada masa Kempen Gerakan Keluarga Bahagia yang telah diadakan pada tahun yang lalu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada dasarnya, Rumah Orang-orang Tua adalah disediakan untuk menempatkan orang-orang tua yang tidak mempunyai sanak-saudara, tempat kediaman tertentu dan yang berumur 60 tahun ke atas. Walau bagaimanapun, dalam kes-kes yang tertentu, orang-orang tua yang mempunyai sanak-saudara juga ditempatkan di Rumah Orang-orang Tua.

Pada masa ini, di antara 2,147 penghuni di Rumah Orang-orang Tua yang dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, terdapat juga 644 orang dari mereka yang mempunyai sanak-saudara atau waris. Seramai 122 orang (18.9%) daripada orang-orang tua ini telah berjaya ditempatkan semula dengan sanak-saudara dan rakan-rakan mereka dalam tempoh Kempen Gerakan Keluarga Bahagia yang lalu.

PENGGUNAAN BAHASA MALAYSIA DI MAHKAMAH

16. **Dato' Azumu bin Tak** minta Menteri Kehakiman menyatakan sama ada Kerajaan berpuashati terhadap penggunaan Bahasa Malaysia di dalam mahkamah-mahkamah semenjak ianya diwajibkan penggunaannya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman [Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan berpuashati terhadap penggunaan Bahasa Malaysia di Mahkamah-mahkamah semenjak ianya diwajibkan pada 1hb Jun, 1990.

INDUSTRI TEKSTIL

17. Tuan David Yeoh Eug Hock minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Perindustrian menyatakan, memandangkan permintaan yang semakin meningkat dalam hasil tekstil kita di Amerika Syarikat dan negara-negara Eropah, adakah Malaysia mampu memenuhi pasaran yang berkembang pesat itu berikutan dari hajat negara-negara Eropah untuk melipatgandakan import mereka pada 1991.

Dato Dr. K.S. Nijhar: Tuan Yang di-Pertua, industri tekstil Malaysia, telah menunjukkan perkembangan pesat sejak beberapa tahun kebelakangan ini dengan peningkatan jumlah eksport, terutamanya ke negara-negara Amerika Syarikat dan EEC. Adalah dijangkakan eksport tekstil dan pakaian akan meningkat sebanyak 20% pada tahun 1990 dibandingkan dari tahun sebelumnya. Pengeksport-pengeksport Malaysia menumpukan eksport ke negara tersebut kerana kedua-duanya merupakan pasaran terbesar bagi industri tekstil di Malaysia. Di dalam keadaan ini, Malaysia adalah mampu untuk memenuhi kehendak-kehendak pasaran sekiranya pasaran Ainerika Syarikat dan EEC adalah terbuka dan tidak disekat. Industri tekstil di Malaysia mempunyai kapasiti yang mencukupi dan boleh mengeluarkan berbagai jenis keluaran tekstil dan pakaian untuk menenuhi pertambahan permintaan tersebut.

Tuan David Yeoh Eng Hock: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sungguhpun industri tekstil di Malaysia menerima sambutan yang baik dari negara-negara Amerika Syarikat dan EEC, adakah Kementerian mengambil langkah menggalakkan para pengeluar kita untuk menghasilkan barang-barang tekstil yang berkualiti tinggi? Ini disebabkan persaingan hebat adalah dijangkakan dari pasaran antarabangsa pada masa akan datang. Kalau ada, nyatakan langkah-langkah yang diambil. Kalau tiada, kenapa tiada?

Kedua, apakah peranan yang dimainkan oleh negara Jepun dalam pengeluaran barang-barang tekstil di Malaysia dari segi teknologi dan kapital?

Dato Dr. K. S. Nijhar: Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan yang pertama, soalan kalau tiada, tidak timbul. Kementerian sentiasa mengambil langkah-langkah sesuai. Pihak Kementerian sentiasa rnenasihatkan para pengeluar tekstil untuk mengeluarkan item-item yang berkualiti tinggi. Ini adalah penting bagi mengelakkan kedudukan pasaran Malaysia di Amerika Syarikat dan di EEC. Langkah-langkah atau galakan-galakan seperti ini dijalankan sepanjang masa, terutamanya bagi pasaran tekstil yang tersekat di Amerika Syarikat dan di EEC. Antara galakan-galakan yang dilaksanakan ialah Kementerian mengadakan rombongan perdagangan ke luar negeri serta penyertaan di dalam pameran perdagangan yang diadakan di luar negeri. Di samping itu juga, dianjurkan seminar-seminar bagi menyampaikan maklumat terhadap kehendak pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan kedua mengenai peranan yang dimainkan, setakat ini pelaburan Jepun di alam industri tekstil di Malaysia adalah tertumpu di sektor primary, seperti pengeluaran fibre dan fabric. Subsektor ini adalah merupakan subsektor yang memerlukan teknologi dan pelaburan yang tinggi. Subsektor ini juga memberikan peluang pekerjaan yang banyak di negara kita. Dari segi teknologi, negara Jepun adalah pengeluar mesin-mesin jahit yang digunakan oleh kebanyakan kilang-kilang pakaian di negara kita.

Dari segi pelaburan, nasib baiklah saya ada di sini statistik-statistik yang diminta oleh Yang Berhormat. Dalam tahun 1990 terdapat 2 buah projek yang diluluskan dengan jumlah modal sebanyak \$217.8 juta. Pelaburan Jepun di dalam industri tekstil dalam tempoh tahun 1980 hingga 1990 ialah sebanyak 20 buah projek dengan jumlah modal sebanyak \$296.2 juta.

DASAR EKONOMI NEGARA

18. Tuan Saidin bin Mohamad minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan adakah pihak Kerajaan merancang akan menumpukan secara susulan bertubi bagi memastikan kekesanan berdikari kepada usahawan, peniaga dan penjaja kecil bagi mencapai suatu tahap yang boleh dibanggakan penyertaan bumiputra dalam mencapai Dasar Ekonomi Baru Negara.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam [Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar bahawa tindakan susulan adalah penting dilakukan bagi memastikan peniaga-peniaga bumiputera yang diberikan bimbingan di bawah program pembangunan usahawan mencaa kemajuan dalam mengendalikan perniagaan mereka. Misalnya, dalam kursus keusahawanan yang dilaksanakan oleh agensi-agensi latihan berkenaan, tindakan susulan adalah menjadi sebahagian dari tanggungjawab yang disyaratkan ke atas agensi-agensi tersebut. Ini bukan sahaja dilakukan melalui perhubungan surat, tetapi juga meliputi lawatan ke tempat perniagaan.

Usahawan juga mendapat perhatian bila mengunjungi agensi-agensi latihan atau yang memberi pinjaman berkenaan. Ini disokong pula oleh seminar yang dianjurkan dari semasa ke semasa yang sangat berfaedah bagi mereka yang menghadirinya.

Contoh pengesanan rapi dijalankan seperti dalam Skim Kilang Bimbingan di bawah Bank Pembangunan di mana melalui skim ini setiap penceburan oleh setiap para pengusaha dikesan, dibimbing, disusul dari semasa ke semasa sehingga ke tahap operasi terakhir. Selain daripada itu pendekatan corak latihan sedang dirangka untuk memberi fokus kepada jenis pendedahan latihan dalam kerja di syarikat-syarikat swasta yang berjaya khususnya bumiputera. Juga usaha sedang dilakukan untuk mempercepatkan program rancangan dataran usahawan yang menyatukan urusan penyampaian, penyibaran dan pengumpulan maklumat mengenai usahawan, khidmat nasihat hasil-hasil usahawan yang juga akan turut dipamersenaraikan untuk rujukan, tatapan dan pemasaran dalam konteks perkembangan rangkaian perniagaan dalam sektor atau barangan tertentu untuk membantu usahawan bumiputera, terutama yang sedang membangun. Akhirnya laporan berkala daripada agensi membantu usahawan bagi mendapat gambaran status kelemahan-kelemahan terutamanya secara exception reporting, dengan izin, yang juga disampaikan dari semasa ke semasa.

Dalam pada itu, adalah penting bagi usahawan untuk mengubah sikap supaya tidak terus bergantung kepada usaha-usaha susulan atau bimbingan dan khidmat nasihat dari Kerajaan semata-mata. Usahawan sendiri perlu berusaha bagi menjadi usahawan yang berkualiti, yang berjaya dan mantap selari dengan ciri-ciri yang lazim dipunyai oleh usahawan sebenarnya, seperti mempunyai daya motivasi yang tinggi, sedia menerima tanggungjawab, mempunyai matlamat jangka panjang, suka memperkenalkan perubahan, berinovasi, kreatif, tabah dan tahan dalam menghadapi masalah dan sebagainya,

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk soalan-soalan telah cukup dan sekarang kita terus pergi kepada Urusan yang lain.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG (MEMPERBADANKAN) MAJLIS
DATA PENGELUARAN NEGARA (PINDAAN)****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (26hb Februari, 1991)

Tuan Yang di-Pertua: Sckarang saya menjemput Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin menyambung ucapannya,

3.34 ptg.

Puan Ainon binti Ariffin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menyentuh perkara mengenai pindaan kepada Rang Undang-undang yang bernama satu Akta untuk meminda Akta Memperbadankan Majlis Daya Pengeluaran Negara 1966 ini, saya memperingatkan Dewan, saya berhenti semalam bercakap ialah di kala sedang berkata terhadap satu kecederungan, satu trend yang selalu digunakan oleh pihak swasta khasnya terutamanya joint-venture projects mengenai pekerja-pekerja mahir atau separuh-mahir daripada anak negara ini sendiri, Kecenderungan itu, Tuan Yang di-Pertua, ialah tidak ada yang layak, tidak ada yang sesuai, tidak ada yang terlatih, tidak ada pakar-pakar yang diperlukan untuk sesuatu tugas, sesuatu usaha atau sesuatu bidang yang diusahakan oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, inilah harapan kita,. harapan saya kepada pindaan ini kerana di sini ada menyebut bahawa perlantikan Ketua Pengarah dan Lembaga Pengurusan yang dipinda dan yang diletakkan dalam Akta ini akan dapat meneliti dan menyelidiki

perkara-perkara ini betapa jauh kebenarannya atau sekadar hendak melepaskan batuk di tangga kerana ingin mendapat keuntungan atau tiada mahu bekerja lebih atau ada satu kecenderungan lain kerana mereka juga mempunyai pakatan-pakatan tertentu dengan negara-negara lain yang pakar-pakarnya didatangkan ke negara kita. Kita bukan iri hati, tetapi di dalam kita membukakan peluang-peluang begitu luas kepada pelabur-pelabur asing untuk menjalankan perusahaan, perdagangan dan perniagaan di negara kita, maka kita juga ada tanggungjawab untuk memperengkapkan anak negara kita sendiri bagi mengambil tugas-tugas tertentu.

Tidak lama lagi, Tuan Yang di-Pertua, sudahpun dimulakan di peringkat awal iaitu projek Monorel yang akan dimulakan pertamanya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, diikuti dengan LRT. Maka di dalam menjalankan kerja-kerja projek besar ini, kita telahpun diberitahu dan ditaklimatkan hampir kesemua usaha-usaha dalam bidang-bidang melengkap dan mewujudkan Monorel ini diimport dari luar negeri - dari USA, dari Switzerland dan dari Australia. Kita-tidak tahu bagaimanakah joint-venture ini telah dimeterikan dan bagaimana penggunaan pakar-pakar dalam negeri, pekerja-pekerja mahir kita dapat diserapkan di sana untuk bersama-sama mengambil bahagian mempelajarinya untuk matlamat pemindahan teknologi moden. Saya rasa jabatan atau perbadanan inilah yang perlu mengambil perhatian berat. Ini satu contoh, Saya arif bahawa Kementerian berkenaan sudah ada dalam pandangan, fikiran, idea mereka, maka itulah undang-undang ini kemukakan untuk dipinda. Namun begitu, ada baiknya memperingatkan kerana ada pepatah Melayu mengatakan, 'biarlah beringat sebelum kena', kerana selalulah kita dalam kelalaian, dalam keghairahan, kadang-kadang menimbulkan banyak kerugian pada jangka panjang dan kepada matlamat kenegaraan kita.

Saya ingin menyentuh mengenai Pasal 9 dalam Akta berkenaan. Pasal 9 memasukkan dua seksyen baru dalam Akta. Seksyen 7A memberikan kuasa kepada Perbadanan untuk menggunakan khidmat agen dan penasihat teknik untuk bertindak bagi pihak Perbadanan. Seksyen 7B pula memberikan kuasa kepada Menteri untuk menubuhkan panel-panel perundingan dan menerangkan fungsi-fungsi dan keanggotaan panel-panel itu. Syabas, Tuan Yang di-Pertua, tahniah kepada pindaan ini kerana ternyatalah bahawa ada kesedaran bahawa kita selama hari ini telah ada yang tertinggal, telah ada kelemahan-kelemahan yang kita dapati yang perlu kita perbaiki. Nyatalah dengan memberikan kuasa kepada Perbadanan untuk menggunakan khidmat agen-agen, penasihat-penasihat kita akan dapat mempertingkatkan lagi kemajuan dan ketinggian kualiti daya kepada Perbadanan atau khususnya kepada produktiviti negara kita ini. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kita mengharapkan jangan sampai ianya disalahgunakan dan apabila kuasa ini diberikan kepada Perbadanan maka kita bimbang pula nanti asyik hendak menggunakan agen-agen sahaja dan asyik hendak mendapatkan penasihat-penasihat sahaja yang selalunya penasihat ini didatangkan juga.

Saya seolah-olah sentimen sedikit, Tuan Yang di-Pertua, tetapi biarlah ianya menjadikan tinta sejarah bahawa kami di Dewan Negara amatlah memandang berat kepada memperlengkapkan anak negara. Pengambilalihan warisan kebijaksanaan, kepandaian, kepakaran itu dipindahkan kepada anak negara kita sendiri.

Satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, seperti kita kekurangan buruh. Dalam kita hendak melaksanakan sektor perladangan maka selalulah kita memperkatakan begini bunyinya: "Tidak ada anak-anak negeri yang ingin bekerja di ladang-ladang. Tidak ada belia-belia dalam negara kita ini termasuk beliawanis yang mahu diunjurkan kalau membuat kerja di ladang-ladang." Maka kita pun mengimport sebanyak-banyaknya rakyat daripada negara-negara jiran untuk bekerja di ladang-ladang dan ada kalanya kita memperkatakan kalau tidak adalah kita import pekerja-pekerja daripada negara jiran kita ini maka akan lumpuhlah ladang-ladang kita.

Saya ingin memberikan pandangan, apakah kata-kata ini satu kata-kata yang tulus ikhlas atau sekadar ingin cepat dan tidak mahu berusaha lebih. Apakah perkara ini kita akan biarkan berlarutan. Mungkin ada faedahnya kita mengimport pekerja-pekerja dari luar itu kepada negara kita dengan tujuan-tujuan yang lain. Tetapi bagaimana jangka panjang kalau ini berlaku.

Kalau negara kita sudah mempunyai penduduk 30 juta, tidak payah sampai 70 juta, bagaimana kalau ini juga alasan kita, kita hendak memberikan rezeki kepada mereka-mereka ini. Kenapa negara-negara jiran kita yang punya banyak penduduk berjaya mengindoktrinasikan kesedaran bekerja di mana sahaja, di perladangan dan sedia menerima upahan yang murah walaupun kerjanya berkualiti.

Saya ingin bertanya kepada Kementerian berkenaan yang diwakili oleh sahabat saya Setiausaha Parlimen yang handsome apakah ini ada dalam perancangan Perbadanan Produktiviti Negara untuk memprojek satu usaha mengindoktrinasikan kesedaran di kalangan anak negara sendiri supaya tidak terlalu memilih dan supaya memberikan satu tekanan kepada kerja-kerja di ladang itu sebagai, satu profesion yang profesional juga, walaupun ianya ditingkatan buruh. Kerana bukan semuanya buruh kasar, Tuan Yang di-Pertua. Ada juga buruh sederhana dan ada juga buruh halus dalam bahasa kita, ertinya mahir, separuh mahir-dan. yang tidak mahir. Bukan boleh dibuat begitu sahaja, kalau ingin mengopek kelapa sawit kalau tidak dengan kepakarannya.

Saya sendiri tidak boleh untuk hendak mengendalikan bagaimana hendak memotong kelapa sawit meletakkannya baik-baik supaya ianya tidak pecah dan mengasing-asingkan buah kelas satu, kelas tiga, kelas empat umpamanya.

Ada lagi satu bidang saya rasa masih. Belum begitu terbuka dan belum diminati dan belum didedahkan kepada anak negara kita iaitu dalam satu usaha punggah-memunggah di pelabuhan. Bungkus-membungkus bahan-bahan kiriman atau untuk membuat packaging, dengan izin,

kepada mereka-mereka yang hendak berpindah ke luar negeri - Forwarding dan sebagainya.

Ada juga terdapat banyak syarikat yang berkaitan dengan ini tetapi ada rungutan yang mengatakan kerja-kerja mereka tidak begitu berkualiti. Mungkin kerana mereka tidak mendapat latihan-latihan tertentu dalam bidang punggah-memunggah ini. Keluar di IV, Tuan Yang di-Pertua, lebih kurang dua minggu yang lalu seorang anak negara kita yang daripada kecil sudah bekerja di pelabuhan. Apabila dia dewasa, saya lupa namanya di Pulau Pinang, telah membuat perusahaan sendiri dalam kerja-kerja pindah-memindah barang-barang kargo dan ditunjukkan di TV itu cara-cara kerjanya. Ianya juga merupakan satu kerja-kerja yang memerlukan kepakaran, latihan serta pengalaman. Kalau ini belum lagi ada dalam rancangan Perbadanan ini, silalah ambil perhatian supaya ini juga boleh didedahkan, ditingkatkan, dilatih sebanyak-banyaknya anak-anak muda kita dalam lapangan ini supaya kita lagi nanti terpaksa juga meminta jasa baik atau menunggu atau menggunakan syarikat-syarikat luar negeri yang masih berfungsi dalam negara kita. Kita perlu dengan joint-venture, kita perlu dengan pelaburan tetapi biarlah ianya ada dua hala. Dua hala iaitu yang datang pun mendapat untung, yang menerima juga akan mendapat untung walaupun bukan untuk jangka pendek tetapi biarlah dirancang untuk jangka panjang.

Kuasa-kuasa yang diberikan kepada Menteri ini, saya ucapkan tahniah kerana ada kuasa tertinggi yang boleh menentukan. Kerana kita faham mana-mana pun Perbadanan ada sahaja masalah penyelewengan.

Saya ingin menyentuh sedikit mengenai perkara-perkara penyelewengan yang berlaku di Perbadanan-perbadanan. Kadangkala bukan penyelewengan dari segi kewangan sahaja; penyelewengan kuasa, penyelewengan penggunaan kuasa, penyelewengan dari segi menjalankan kerja-kerja dan lain-lainnya,

Dengan ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada Badan Pencegah Rasuah negara kita. Saya pernah bercakap perkara mengenai peranan pencegah rasuah ini di dalam membahaskan Belanjawan kita dahulu di mana saya ada mengatakan mintalah pihak-pihak Kerajaan yang menaungi BPR supaya tidak, memilih bulu.

Saya mengucapkan terima kasih kepada BPR kerana ucapan saya itu disambut baik dan ada beberapa susulan-susulan telah dibuat - syabas. Kita sesungguhnya rasa bangga dan syukur dengan BPR ini kerana mereka telah banyak mendedahkan perkara-perkara yang kita tidak duga dan mengejutkan. Antara kes yang terbaru ialah dua kes orang besar dari Negeri Sabah iaitu pemimpin terulung, pemimpin yang memegang teraju di sana yang masih dalam kes di mahkamah. Oleh kerana ianya dalam kes mahkamah, Tuan Yang di-Pertua, maka tidaklah boleh saya menyentuh lebih lanjut. Tetapi ada beberapa kes sebelum ini yang telah dibuka, yang telah didedahkan dan telahpun diambil tindakan, Diharapkan begitulah peka hendaknya dan diharap kuasa yang diberikan kepada Menteri pada Perbadanan ini juga nanti akan digunakan mengikut lunas-lunas tertentu dan memberikan keuntungan kepada Perbadanan dan kepada negara dan sesungguhnya perkara ini

akan memberikan nafas juga kepada Perbadanan ini kerana kalau tidak dikawal dengan rapi dan kalau tidak ditentukan bidang-bidang kuasa maka kita kluatir perkara-perkara yang menjadi masalah yang mengagalkan matlamat kita akan berlaku kerana tidak ada apa-apa garis panduan atau kawalan.

Kata Pepatah Melayu atau Bidalan Melayu, Tuan Yang di-Pertua, ialah "tikus berani lompat tinggi kerana kucing tidak bergigi". Jadi dengan adanya Fasal 9 ini saya percaya tikus-tikus tidak berani melompat tinggi kerana dia tahu kucing ini ada taring, ada gigi.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi saya ingin menyentuh mengenai latihan-latihan dalam bidang-bidang kejuruteraan. Kita lihat negara-negara jiran kita telahpun mula melatih anak negaranya dalam bidang-bidang kejuruteraan termasuklah dalam bidang nuclear engineering. Kita faham, negara kita juga mempunyai universiti dan kita tahu dulunya Majlis Daya Pengeluaran Negara juga memberikan perhatian berat kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan penggunaan bahan nuklear.

Tuan Yang di-Pertua, tidak mustahil 10 tahun atau 20 tahun akan datang kita juga perlu membuat persiapan-persiapan awalan untuk mencipta, menceduk pengetahuan-pengetahuan moden mengenai bahan-bahan ini untuk kegunaan negara bukan sahaja untuk kegunaan dalam bidang-bidang produktiviti kita tetapi juga dalam bidang-bidang penjagaan keselamatan negara kita. Mana kita tahu kalau berlaku pula nanti pencerobohan yang tidak semena-mena menggunakan senjata-senjata begini maka kita tidak ada pakar-pakar untuk menangkis ataupun untuk mempertahankan atau sekurang-kurangnya kalau kena senjata kimia kita tidak tahu pula nanti bagaimana hendak mengatasi dan mengubati sakit-sakit yang berkenaan.

Walaupun ini tidak begitu tepat di bawah Perbadanan **ini**, tetapi ianya saya sentuh di **sini** dalam bidang latihan kejuruteraan, jenis-jenis kejuruteraan itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir, saya memperkatakan dalam menjalankan perancangan yang telah diatur begitu rapi dan dengan rasa tahniah yang tinggi daripada saya di Dewan **ini**, maka kita mengharapkan semua peluang-peluang yang akan dibuka, semua usaha yang akan dilakukan nanti hendaklah berdasarkan kepada **visi-visi** negara dan ianya hendaklah tidak sampai melupakan hasrat dan hak-hak rakyat di negara ini sendiri dan tidak juga melupakan peranan-peranan wanita untuk diberikan peluang bersama di dalam Perbadanan ini sama ada sebagai penasihatnya atau di dalam bidang-bidang atau rangka-rangka rancangannya yang lain-lain yang telah diluaskan skopnya itu. Kerana kita tahu, Tuan Yang di-Pertua, wanita-wanita di Malaysia juga mempunyai kewibawaan, kemampuan dan kualiti bekerja yang baik.

Budaya kerja yang kita wujudkan di negara kita ini yang jadi bahan penting kepada Perbadanan ini nantinya adalah dari dua jantina yang ada di negara kita ini **iaitu** lelaki dan perempuan. Terdapat sehingga ini wanita-wanita ini memang sudah diberikan peluang tetapi masih belum begitu memuaskan lagi, terutamanya dalam bidang-bidang kepakaran yang di tingkat kemahiran tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai industri berat di

negara kita, maka saya percaya di dalam Perbadanan ini ianya telah diambil-kira untuk memperkembangkan, mempergiatkan dan untuk memper-lengkapannya sama ada bagi jangka pendek atau jangka panjang.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong kepada Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta (Memperbadankan) Majlis Daya Pengeluaran Negara 1966 ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Tan Sri Mohd. Ghazali.

3.54 ptg.

Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyokong Rang Undang-undang tersebut.

Saya juga ingin mengucapkan syabas kepada pihak yang berkenaan kerana menghidupkan balik apa yang dinamakan dahulu Majlis Daya Pengeluaran Negara. Apa yang saya kurang pasti saya mohon maaf ialah penukaran daripada Majlis ke Perbadanan Produktiviti Negara. Kepada sayalah, pengalaman yang singkat ini, apa juga nama bunga ros, kata orang, baunya pun sama harum juga. Akan tetapi, apa yang penting sekali ialah gaya manakah organisasi itu dibentukkan, organisasi itu harus sekali dengan padat bentuknya seperti yang di-syorkan yang mana saya sokong. Dan yang keduanya, kepada siapa yang menjalankan tanggungjawab itu, daripada Menterinyakah, daripada Pengurus Besarnya, termasuklah pekerja-pekerja yang lain di dalam organisasi itu. Satu-satu organisasi itu kalau tidak meliputi pekerja-pekerja.

yang bertanggungjawab, yang tahu pandang dekat dan pandang jauh tujuan organisasi itu, tidak mungkin tercapai matlamat yang sebenarnya yang Kerajaan ingin hendak mengadakan organisasi itu.

Perbadanan Produktiviti Negara yang diingini itu, seperti mana saya katakan tadi ialah seperti nadi kepada Kerajaan untuk membolehkan segala-gala organisasi di dalam Kerajaan, Kementerian-kementerian di dalam Kerajaan, pejabat-pejabat di dalam Kerajaan, bolehlah ;hendaknya dapat keuntungan dari kepintaran Perbadanan itu apabila ditubuhkan dengan dilengkapi dengan segala-galanya.

Dari segi kelengkapan, saya juga ingin menyuarakan sahalalah dan juga menekankan dari padangan saya, daripada pekerja-pekerja itu hendaklah orang-orang yang handal betul. Orang-orang ataupun pegawai-pegawai yang bersungguh-sungguh, pegawai-pegawai yang berkaliber, pegawai-pegawai itu juga harus dibayarkan setakat mana kebolehdia, kepintaran dia demi untuk menjalankan kerja yang sangat berat, yang sangat mustahak itu. Saya menekankan perkara ini oleh kerana ada juga nampak-nampaknya masih lagi pekerja-pekerja yang berkaitan dengah organisasi sebegini di dalam Kerajaan tidak mencukupi pada pandangan saya, gaji-gaji dia, tanggungjawab-tanggungjawab yang diberikan. Maksud saya bukanlah semuanya harus Kerajaan memberi gaji yang lumayan tetapi kepada pihak organisasi ataupun tahap-tahap dalam organisasi itu yang bertungkus-lumus, yang diberi tanggungjawab supaya mereka itu mengeluarkan kebolehannya itu demi untuk kebaikan negara amnya. Kepada mereka itu harus sangat diberikan gaji diakah, elaun dia yang berpatutan. Kalau kita bandingkan salah satu daripada organisasi di dalam Kerajaan sekarang dengan

swasta yang saya tahu iaitulah sejauh mana dari segi kebolehan pegawai itu, tanggungjawab pegawai itu dengan gaji yang diberikan kepada mereka itu jauh sekali perbezaannya. Jangan maksud saya iaitu jangan kita lokek untuk membayarkan bayaran yang berpatutan, ayaratnya dia ada berkebolehan, sayaratnya dia bersungguh-sungguh dan ikhlas untuk menjalankan tanggungjawab dia.

Selain daripada itu berkaitan dengan organisasi ini, juga molek kalau diadakan segala perjumpaan, segala seminar diorganisekan, dengan izin, kursus dan sebagainya seperti mana yang saya ketahui organisasi. ISIS (Institute of Strategic and International Studies), dengan izin, iaitu yang mana dicungkil daripada ahli-ahlinya dan juga mereka yang dijemput datang memberi syarahan dan segala-galanya dan pendapat dari itu sangat berguna dan saya percaya pendapat studi-studi di ISIS itupun telah digunakan oleh pihak Kerajaan atau pihak tertentu. Begitu juga saya harap dan saya yakin penuh Perbadanan Produktiviti Negara ini akan begitu cemerlang menjalankan tanggungjawab-tanggungjawabnya itu.

Seterusnya, saya juga ingin mengesyorkan apabila Perbadanan ini telah berdiri nanti, telah siap, subjek-subjeknya ataupun perkara-perkara yang dibahaskan ataupun dirancangakan hendaklah dengan prioritasnya oleh kerana organisasi ini bukannya kecil tanggungjawabnya, pandangannya bukannya singkat tetapi jauh. Dari itu, yang mana prioriti itu saya percaya mestilah diprioritaskan. Subjek-subjeknya, saya percaya kalau dari segi ekonomi seperti mana saudara saya sudah sebutkan tadi, Yang Berhormat Puan Ainon dan juga saudara saya Yang Berhormat Tuan Hassan Harun.

Kalau dari segi ekonomi, saya rasa apa pengeluaran kita, kebolehan negara kita dan juga pekerja-pekerja kita, yang itu kita mesti dulukan, dibaiki kualitasnya. Ini maksudnya, kualitasnya mesti dibaiki. Jangan semata-mata kita keluarkan buah rambutan, kemudian hendak dijual kepada orang oleh kerana rambutan itu berbulu dan sudah merah, sudah masak, hantar sahaja. Itu kita tak mahu. Selangkan pisang yang kita hendak jual itupun kalau ada dot satupun, saya dengar khabar di Jepun dia tak mahu terima. Walhal dot itu tanda hendak masuk betul, itu lagi manis tetapi mereka itu tak mahu. Jadi, perkara sebegini sepatutnya apabila organisasi ini telah jadi besok, kita mesti, biarlah kita buang duit di dalam organisasi ini sehingga kita dapat apa dia yang kualiti itu apa maknanya dan kita buat dengan seberapa boleh apabila sudah kita masuk dalam market itu bermakna sudah established, dengan izin, itu tidak susah lagi, orang mahu sahaja. Buah-buahan terutamanya yang dikeluarkan di negeri ini, pisang, rambutan, durian dan segala-galanya. Saya ingat pengeluaran kita dari segi buah-buahan itu, wah bukan main lagi dia punya sedap.

Hanya kita tidak dapat bertapak di negara-negara lain sama ada di Barat, di negara Arab dan lain-lain negara lagi yang tidak dapat. Kalau sudah bertapak di sana dan kalau dia sudah rasa buah-buahan kita, saya ingat mereka tidak boleh tidur, tentu dia cari buah-buahan kita dan juga pengeluaran-pengeluaran yang lain.

Saya tekankan dari segi tentang buah-buahan dan juga makanan ini oleh kerana saya percaya kalau betul-betul mereka membuang masa, membuang duit dan membuang tenaga untuk ini, kita boleh dapatkan ini sabagai salah satu daripada pendapatan kita untuk menggantikan minyak, kalau besok minyak itu sudah turun harga - 1 barrel sampai kepada \$1.00 atau \$3.00, saya ingat kita ada gantinya. Dari segi pengeluaran kepada benda-benda lain seperti textile dan segala-galanya, itu betul dan bagus, tetapi kompetitifnya sangatlah hebat. Apatah lagi dengan adanya petang Teluk ini dan nampaknya mungkin pada pandangan saya selepas ini, sesiapa yang beli daripada kita dahulu itu dia akan memikir dua kali. Kalau kita jual kepada dia 10 barang, mungkin dia beli dua ataupun lima sahajalah, kalau kita tidak jaga-jaga, Tetapi kalau kualiti itu bagus dan satu-satu pengeluaran daripada negara kita itu tidak boleh dibandingkan dengan negara lain, sepertimana yang saya sudah bayangkan tadi, insya Allah, kita boleh berdiri teguh lagi.

Juga saya percaya, mungkin saya salah, dalam organisasi Perbadanan Produktiviti Negara ini, sepertimana saudara saya Puan Ainon mengatakan tadi, tidak ditumpukan terhadap ekonomi sahaja,

terhadap politik pun ada juga, kita hendakkan kualiti juga. Jadi, itu semua saya percaya tentu sekali masuk di dalam sekolah ini, so called, dengan izin, Productivity Corporation ini. Kepada saya, dengan izin, I wish to goodness - we stick to the old Majlis Daya Pengeluaran Negara. Kalau itu, dia punya impact lebih lagilah. Tetapi oleh kerana sebab-sebab itu sudah ternyata, macam manapun tujuannya serupa juga. Jadi, dari segi politik juga, seperti saya katakan tadi, harus juga diperbaiki supaya tahap politik kita ini kualitinya ada. Bukan sahaja politik kosong - loyar buruk, kata orang - tidak. Tetapi politik ada berisi, sepertimana yang kita buat kepada ekonomi yang saya sebutkan tadi dengan ringkas, begitu juga dari segi politi.

Juga dari segi security, iaitu dari segi keselamatan. Lagi sekali saudara saya juga ada sebutkan tadi dan itu pun mesti kita tekankan supaya kualiti dalam keselamatan, mahupun dalam Angkatan Tentera, dalam Polis ataupun sesiapa yang beruniform di dalam negara kita ini mesti berkualiti. Pendek kata, kualiti ini sangat-sangat penting dan sangat-sangat kita ingini. Sepertimana negara-negara yang kita tahu seperti Jepun, for example, dengan izin, dia punya kualiti, dulu dia buat semuanya termasuk dengan kertas-kertas buat kapal terbang. Sekarang mereka sudah pandai, oleh kerana mereka tahu kalau hendak buat itu biar kuat, biar molek, biar tahan lama. Tengok sekarang, dia punya barang itu boleh langgar pembuatan baik dari British, Germany atau Amerika.

Begitulah tujuan kita dan saya percaya kita menghidupkan balik perkara ini, itulah tujuan yang sebenarnya. Tetapi saya hendak ulangi supaya orang yang duduk di situ biarlah orang yang ada

kebolehan, yang betul-betul berhajat dan berhasrat dengan ikhlas supaya dipimpin dan ditunjuk ajar kepada bahagian-bahagian, yang lain, setelah mereka itu analisa, inilah jawabnya baik dari segi ekonomi,, dari segi politik dari segi security dan sebagainya.

Jadi, itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dengan ringkas dan selain daripada itu saya menyokong kuatlah dan sekali lagi saya memohon kepada Kerajaan dan pihak berkuasa cubalah seberapa boleh menjadikan National Productivity Corporation ini sebagai tempat yang betul-betul boleh kita harapkan untuk kebaikan, kebagusan dan juga kemajuan kita semua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Setiausaha Parlimen untuk memberikan jawapan.

4.05 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato Dr. K.S. Nijhar]: Tuan. Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas sokongan mereka terhadap Akta ini dan juga idea-idea yang bernas yang akan dijadikan panduan untuk menguruskan Perbadanan Produktiviti Negeri,

Yang Berhormat Senator Hassan bin Harun membangkitkan isu perlintakan Ketua Pengarah Perbadanan yang mana beliau menyarankan supaya pegawai yang dilantik perlu mempunyai komitmen yang tinggi untuk melaksanakan dasar-dasar Kerajaan dan juga mempunyai daya usaha dan daya kreatif dan asas-asas yang sama juga perlu digunakan di dalam perlintakan Ahli-ahli Lembaga Pengurusan, pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Perbadanan yang lain.

Isu ini juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Ainon Ariffin. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya akan mengambil-kira semua aspek keperluan jawatan di dalam membuat perlantikan seperti yang disarankan scrta juga aspek kepakaran dan profesionalisme.

Yang Berhormat Senator Hassan juga membangkitkan keperluan untuk mewujudkan kepakaran tempatan melalui pemindahan teknologi yang sempurna. Isu yang serupa juga dibangkitkan oleh Senator Ainon Ariffin dan seterusnya menyarankan supaya lebih ramai pakar tempatan digunakan di dalam program-program latihan yang dikendalikan di dalam negara.

Untuk makluman Yang Berhormat, salah satu daripada tugas Perbadanan ialah untuk mewujudkan kepakaran tempatan di bidang-bidang produktiviti, kualiti, pengurusan, keusahawanan, sama ada melalui pembangunan tenaga manusia Perbadanan sendiri mahupun melalui pembangunan dan penggembelangan kepakaran yang wujud di dalam industri tempatan. Perbadanan akan mengkoordinasikan kepakaran tempatan yang wujud bagi kegunaan industri secara keseluruhan. Namun demikian, kepakaran daripada luar negeri masih lagi diperlukan memandangkan bahawa perkembangan ilmu di bidang-bidang yang saya sebutkan adalah sangat pantas dan tidak mungkin negara kita akan dapat mengeluarkan semua kepakaran yang diperlukan di dalam masa yang singkat.

Yang Berhormat Senator Dato' Azumu bin Tak membangkitkan isu yuran yang terlalu tinggi dikenakan oleh organisasi-organisasi swasta di dalam menjalankan program-program latihan dan meminta Perbadanan menjadi badan penyelaras di dalam hal ini. Salah satu

tugas baru Perbadanan ialah untuk menjadi penyelaras kepada semua program-program yang dikendalikan oleh organisasi swasta untuk umum. Di dalam menjalankan tugas ini, Perbadanan akan mengambilkira semua aspek berkaitan dengan program latihan seperti kualiti, kurikulum, metodologi penyampaian serta juga kemudahan yang disediakan. Namun demikian, Kementerian tidak bercadang buat masa ini untuk menetapkan kadar yuran bagi program-program yang dikendalikan oleh pihak swasta. Prinsip pasaran bebas yang diamalkan sekarang akan menjamin pengguna menerima kualiti setimpal dengan bayaran yang dikenakan.

Yang Berhormat Senator Dato' Azumu Tak juga menyarankan supaya Menteri menggunakan Bahasa Malaysia di dalam ucapan-ucapan rasmi. Tuan Yang di-Pertua, penggunaan Bahasa Malaysia adalah menjadi dasar Kementerian saya, namun demikian, kadangkala terdapat tetamu-tetamu jemputan daripada luar negeri juga turut hadir dan di dalam keadaan sedemikian, adalah lebih praktikal untuk menggunakan bahasa Inggeris supaya komunikasi lebih menjadi berkesan ataupun efektif.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi di atas syor Yang Berhormat Puan Ainon berkenaan dengan pengeluaran pakar dan kepakaran tempatan. Memang pindaan ini memberi peruntukan untuk menolong membina dan mengeluarkan pakar dan kepakaran tempatan. Berkenaan dengan pelaksanaan peruntukan Seksyen 7A dan 7B, Kementerian saya akan memastikan saya memberi jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa peruntukan ini tidak disalahgunakan. Perlu juga dimaklumkan bahawa badan perundingan ini hanya menjadi penasihat sahaja. Jadi, Perbadanan tidaklah terpaksa menerima semua nasihat panel tersebut.

Berkaitan dengan latihan kejuruteraan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Majlis Daya Pengeluaran Negara belum lagi memberi atau menjalankan kursus penggunaan bahan nuklear. Apa yang dilaksanakan di bawah Bahagian Kejuruteraan hanya tertumpu kepada kaedah-kaedah peningkatan produktiviti tetapi bukan terlibat dengan bahan nuklear atau kimia.

Tuan Yang di-Pertua, namun demikian perkara ini adalah baik dan Kementerian mungkin akan berunding dengan agensi-agensi berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth pula membangkitkan beberapa isu penting kepada Kementerian. Terima kasih di atas teguran dan saranan Yang Berhormat Tan Sri berkenaan dengan pertukaran nama Majlis kepada Perbadanan. Untuk makluman Yang Berhormat, pertukaran nama ini bertujuan untuk mewujudkan legal entity, dengan izin, kerana buat masa ini ada kekeliruan dengan masalah perundangan kerana adanya Majlis dan Pusat. Untuk mengemaskini dan untuk menggubal peranan yang lebih dinamik inilah tujuan pertukaran nama ini.

Nampaknya, Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah perkara-perkara yang ditimbulkan hari **ini**. Bagi pihak Kementerian saya, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana mengambil bahagian di dalam perbahasan dan menyokong pindaan kepada Akta Memperbadankan Majlis Daya Pengeluaran Negara. Segala alasan dan pandangan yang diberi akan diambil kira oleh Kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 14 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SARAAN HAKIM (PINDAAN)

Bacaan Rali Yang Kedua dan Ketiga

4.15 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman [Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda seksyen 19(2) Akta Saraan Hakim 1971 dan Jadual Pertama Akta tersebut mengenai gaji para hakim. Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil.5 Tahun 1988 dan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11 Tahun 1988 telah meluluskan pelarasan gaji bagi pegawai-pegawai dalam kumpulan A, B dan C serta yang setaraf dengannya berkuatkuasa mulai 1hb Oktober 1988.

Oleh yang demikian, adalah wajar supaya Akta Saraan Hakim 1971 ini dipinda untuk membolehkan pelaksanaan pemberian pelarasan gaji sebanyak \$110 sebulan kepada hakim-hakim pula. Dengan yang demikian, pindaan sewajarnya perlu dibuat kepada Akta Saraan Hakim 1971 untuk melaksanakan pelarasan gaji berkenaan.

Di bawah peraturan sekarang, seksyen 19(1) Akta Saraan Hakim 1971 memperuntukkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong boleh, setelah berunding dengan Ketua Hakim Negara, membuat peraturan-peraturan bagi maksud melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta ini.

Seksyen 19(2) pula, memperuntukkan bahawa peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen kecil (1) boleh meminda atau mengubah peruntukan-peruntukan Jadual Kedua mengenai elaun-elaun dan kemudahan bagi para hakim.

Pindaan kepada seksyen 19(2) adalah dicadangkan untuk memberi kuasa kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong membuat apa-apa pindaan kepada peruntukan di dalam Jadual Pertama kepada Akta berkenaan sekiranya ada perubahan gaji para hakim di masa akan datang sama seperti kuasa yang telah ditentukan dalam Akta berkenaan bagi meminda Jadual Kedua kepada Akta itu.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Jadual Pertama kepada Akta pula adalah bagi memperuntukkan kenaikan gaji bulanan hakim-hakim mulai 1hb Oktober, 1988. Faedah kenaikan gaji bulanan ini adalah bagi hakim-hakim yang memegang jawatan pada 1hb Oktober 1988 atau yang dilantik selepas tarikh itu.

Seterusnya jika seseorang hakim yang telah memegang jawatan pada 1hb Oktober 1988 dalam tempoh 1 bulan selepas Akta ini disiarkan dalam Warta memilih secara bertulis supaya tidak tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, maka hakim tersebut adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta itu.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini telah dipersetujui oleh pihak-pihak yang berkenaan yang bertujuan untuk melaksanakan pelarasan gaji sebanyak \$110 sebulan kepada para hakim berkuatkuasa pada 1hb Oktober 1988 dan untuk memperkemas peruntukan-peruntukan berkenaan dengan memberi kuasa kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bagi membuat apa-apa juga pindaan kepada peruntukan dalam Jadual Pertama dan Jadual. Kedua Akta tersebut sekiranya terdapat perubahan gaji atau perubahan-perubahan lain kepada para hakim di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan K. Vijayanathan.

4.21 ptg.

Tuan K. Vijayanathan: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara mengenai Rang Undang-undang Akta Saraan Hakim (Pindaan).

Peruntukan yang telah dibuat baru-baru ini untuk kenaikan saraan bagi Hakim-hakim adalah amat mengeciwakan kepada mereka yang biasa dengan tugas, tanggungjawab dan status Hakim-hakim kita. Kenaikan gaji adalah hanya serupa macam Menteri tadi kata hanya \$110 tiap-tiap bulan.

Kami ingin tahu kriteria kenaikan ini sama ada ia didasarkan kepada kadar inflasi atau didasarkan kepada index perbelanjaan hidup. Sebaliknya, kenaikan ini adalah selaras dengan kenaikan 5% yang diberi kepada kakitangan awam Kerajaan baru-baru ini yang merupakan satu kenaikan sementara sahaja.

Saya ingin menegaskan bahawa ini adalah satu kenaikan yang begitu minima dan kecil. Kita mesti ingat bahawa kebebasan Kehakiman di negara kita adalah amat suci, kecekapan, kesempurnaan dan ilmu pengetahuan Hakim-hakim kita adalah di antara yang terbaik dalam Komanwel. Mereka tidak boleh menggunakan pengaruh mereka untuk mendapat kenaikan gaji, mereka juga tidak ada kesatuan yang

boleh menyuarakan ketidakpuasan mereka, terpulanglah kepada kita sebagai Ahli Parlimen supaya meneliti keperluan mereka secara objektif.

Kita mesti ingat bahawa Hakim-hakim seperti kakitangan awam Kerajaan yang lain juga, ada tanggungjawab terhadap keluarga dan tanggungjawab-tanggungjawab yang lain. Mereka juga kena bayar cagaran, penjamin dan juga membiayai pendidikan anak-anak mereka, sebab ini saya amat tidak memahami rasional memberikan kenaikan gaji sebanyak \$110 sahaja.

Saya juga ingin tahu bagaimana angka ajaib sebanyak \$110 ini diperolehi. Peruntukan untuk tambahan tidak ada menyebut tentang menambahkan kepada Pesuruhjaya Kehakiman atau Judicial Commisioner, dengan izin, sebagaimana mereka kenali. Pesuruhjaya Kehakiman mempunyai fungsi dan kuasa yang sama sebagaimana Hakim-hakim Mahkamah Tinggi.

Saya cadangkan agar panggilan 'Pesuruhjaya Kehakiman' dimansuhkan dan semua pegawai-pegawai Pesuruhjaya Kehakiman yang mempunyai status Hakim Mahkamah Tinggi dipanggil 'Hakim'. Sekiranya terdapat pembatasan Perlembagaan berhubung dengan bilangan Hakim-hakim yang boleh dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, cadangan saya adalah meminda Perlembagaan untuk membolehkan penambahan dalam bilangan Hakim-hakim. Sambil mempertahankan tentang gaji atau saraan Hakim-hakim, saya juga ingin mencadangkan bahawa Kerajaan mengadakan satu kajian menyeluruh tentang semua kakitangan Kehakiman, ini termasuk Majistret, Hakim Mahkamah Sesyen dan Timbalan Pendaftar

Kanan Mahkamah Tinggi.

Seperti yang kita tahu Majistret-majistret kita hidup dalam satu masyarakat yang sedar tentang penguaman. Selain daripada bertugas di mahkamah dan mendengar kes-kes, Majistret-majistret juga mesti mengeluarkan perintah tahan, mengeluarkan surat perintah untuk menangkap orang-orang dan juga menulis sebab-sebab untuk keputusan mereka dalam kes-kes yang dibicarakan. Lagipun bidangkuasa Mahkamah Sesyen telah ditambah dari \$25,000 kepada \$1 juta - dalam kes-kes sivil, tambahan Hakim Mahkamah Sesyen juga perlu dibicarakan kebanyakannya kes-kes jenayah kecuali kes-kes yang membawa hukuman mati. Oleh sebab ini saya mendesak Kerajaan supaya menjalankan satu kajian keseluruhan dan membentuk sebuah jawatankuasa untuk tujuan ini, jika perlu. Oleh beberapa sebab yang saya sudah katakan dahulu dan dengan conditions yang saya beri tadi, jadi dengan itu saya mohon menyokong Rang Undang-undang Saraan Hakim 1971. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Tiong Hiew King.

4.28 ptg.

Datuk Tlong Hiew King: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 1990 di mesyuarat Dewan yang mulia ini.

Rang Undang-undang ini sebagaimana diketahui adalah bertujuan untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971, terutama untuk meminda seksyen berkenaan bagi peruntukan kenaikan gaji bulanan Hakim-hakim mulai

dari 1.10.1988.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan sokongan kepada Rang Undang-undang ini. Walau bagaimanapun, kenaikan gaji bulan Hakim-hakim masih sedikit sahaja, insignificant, dengan izin, memandangkan belanja hidup yang makin meningkat, dan juga jika dibandingkan dengan tanggagaji Hakim-hakim di negeri jiran. Kita tahu gaji bulanan Hakim-hakim yang disenaraikan dalam Jadual I kepada Akta ibu adalah ditetapkan dan diluluskan pada tahun 1971, sudah hampir 20 tahun barulah gaji bulanan dinaikkan sebanyak \$110 sahaja bagi Hakim-hakim tersebut mulai dari 1.10.1988.

Walaupun kenaikan adalah sedikit sahaja, namun something is better than nothing, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, Kehakiman atau Lembaga Pengadilan adalah satu organisasi dalam sistem Kerajaan terutama dalam sebuah negara yang mengamalkan demokrasi berparlimen. Peranan serta operasi Kehakiman, Pentadbiran dan Majlis Perundangan masing-masing, perhubungan dan perbezaan dalam fungsi di antara ketiga-tiga organisasi itu akan menentukan corak dan isi yakni substance, dengan izin, demokrasi yang diamalkan. Maka demi untuk memastikan keadilan sosial, memastikan bahawa setiap orang akan dilayani secara adil dan saksama di hadapan undang-undang, Jabatan Kehakiman harus diperkuatkan dengan menambahkan bilangan. Hakim yang boleh bertugas di Mahkamah Tinggi, Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret.

Setahu saya, kerana kekurangan tenaga Hakim baik di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Sesyen ataupun Mahkamah Majistret di Sibuan, kes-kes menjadi bertimbun-timbun, berlonggok-longgok dan kadang-kadang perbicaraan kes itu hanya dapat diadakan dua tiga tahun ke hadapan. Kalau maklumat yang saya dapati tidak salah, selain daripada seorang Hakim Besar, Sarawak mempunyai 4 orang Hakim Mahkamah Tinggi, 2 di Kuching, satu di Sibuan dan lainnya di Miri. Bilangan Hakim bagi Mahkamah Sesyen ialah 4 juga iaitu 2 di Kuching, satu di Sibuan dan yang lainnya di Miri. Di 9 Bahagian dalam negeri Sarawak terdapat 11 orang Majistret sahaja - 3 di Kuching, 2 di Miri dan satu di setiap Bahagian lain iaitu Bahagian Seri Aman, Bahagian Bintulu, Bahagian Limbang dan Bahagian Sarikei. Dengan kata lain,

di seluruh Sarawak hanya terdapat 5 orang Hakim Mahkamah tinggi termasuk Hakim Besar, 4 orang Hakim Mahkamah Sesyen dan 11 orang Majistret.

Oleh itu saya ingin merayu kepada Kerajaan Persekutuan terutamanya Jabatan Kehakiman supaya boleh terlantik dan mengupah peguam atau siswazah yang lebih yang berkemahiran, cekap dan terlatih dalam undang-undang. Adalah menjadi harapan saya agar Jabatan Kehakiman akan dapat menyelidik masalah ini. Demi untuk memenuhi permintaan yang bertambah dari perkhidmatan Kehakiman, kita memerlukan lebih banyak peguam yang ulung, yang berminat untuk menyertai atau mencurahkan diri ke dalam perkhidmatan Kehakiman.

Maka dengan itu saya mencadangkan agar tanggagaji bulanan bagi Hakim diselaraskan semula hingga setanding dengan tanggagaji Hakim di negeri jiran, umpamanya Singapura. Hanya dengan diberi gaji yang setimpal dan menarik dapatlah peguam-peguam yang ulung dipelawa untuk menyertai perkhidmatan Kehakiman.

Tuan Yang di-Pertua, sekian ucapan saya dan sekali lagi saya memberi sokongan kepada Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 1990. Terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir; Yang Berhormat Dato' Azumu.

4.35 ptg.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut serta membahaskan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971 ini dan saya ingin menyatakan bahawa saya menyokong supayai ianya diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum dari itu saya tertarik hari sangat tentang huraian Rang Undang-undang ini di mana menyebutkan bahawa

Akta ini adalah untuk memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong untuk meminda atau mengubah peruntukan-peruntukan Jadual Pertama dan Kedua kepada Akta ini. Apa yang menarik perhatian saya adalah ini membuktikan kepada kita semua bahawa pemerintahan negara kita sebagai Raja berperlembagaan berfungsi dengan sepenuhnya. Bahawa Raja kita tidak berkuasa sepenuhnya, yang berkuasa adalah Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang mulia ini. Ini adalah baik sekali jika kita beritahu kepada rakyat kita seluruhnya bahawa kuasa-kuasa untuk mentadbirkan negara ini adalah di tangan Wakil-wakil Rakyat yang dipilih untuk mewakili mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya penyusunan semula kedudukan Hakim di negara kita ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Ketua Hakim Negara dan juga semua Hakim-hakim di seluruh negara ini kerana dengan kebijaksanaan Ketua Hakim Negara yang-baru ini maka kes bertimbun yang ada di Mahkamah-mahkamah kita berkurangan. Sungguhpun baru tadi Yang Berhormat Datuk Tiong mengatakan bahawa masih banyak lagi kes bertimbun tetapi jika dibandingkan dalam masa lima tahun yang lalu, agak saya ia amatlah berkurangan. Masalahnya adalah, kes-kes ini selalu dipostpone, bukannya disebabkan kesalahan Majistret atau Hakim-hakim tetapi disalahkan kepada peguam-peguam yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Kerajaan jika Kerajaan ada membaca satu keratan surat di dalam suratkhabar **The New Straits Times** bertarikh 25hb Februari yang ditulis oleh seorang "concerned citizen" mengatakan bagaimana perasaan terharunya terhadap kes-kes yang dipostpone ini.

Tuan Yang di-Pertua, jikalau diizinkan saya membaca keratan surat ini yang saya fikir amat penting supaya Kerajaan mengetahuinya dengan sedalam-dalamnya:

"Postponement of cases should be strictly controlled. Any case which is postponed should be listed for hearing within the following week and not after six months. In this way, no real advantage will be gained by postponing a case;

where an order has been given by the High Court to file an affidavit within a certain- period, such an order must be adhered to. If the documents are not filed within the period stipulated, the detence should, be struck off. Presently, I believe, the courts usually allow the documents to be filed late; and

lawyers are fond of delaying a case by filing new grounds at the last minute. This results in the other party being caught unawares and having to seek a postponement. I hope that lawyers indulging in such tactics will be reprimanded."

Itu adalah keratan akhbar yang saya baca yang bertarikh 25hb Februari dan sehingga hari ini belum lagi saya terbaca jawapan Kerajaan terhadapnya. Saya agak sahabat saya Yang Berhormat Menteri tidak sempat membacanya, tetapi setelah saya bacakan di dalam Dewan **ini**, kita akan mendengar ulasan Kerajaan terhadapnya.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi, sungguhpun perkara ini sudah agak basi tetapi saya agak Kerajaan harus mengambil tindakan uutuk mengaja kedudukan Hakiin-hakim di negara ini supaya ianya sentiasa dapat didudukkan di tempat yang paling tinggi dalam pentadbiran negara kita.

Saya berbalik kepada kes bekas Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abas,- berkenaan dengan buku-buku yang masih dikeluarkan oleh penulis-penulis yang tidak bertanggungjawab, yang memberikan komen-komen mereka terhadap kes itu. Telah lama ianya selesai, masih ada lagi buku-buku dikeluarkan. Pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, supaya perkara seumpama iai dihalang dan dihentikan dengan serta-merta. Jika ada pun buku-buku lama yang masih dijual di kedai-kedai buku, biarlah buku-buku ini menjadi buku-buku rujukan sahaja, tetapi janganlah dibenarkan penulisan-penulisan buku-buku yang baru.

Sebentar tadi, Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah memberitahu. Dewan yang mulia ini berkenaan dengan penulisan berupa fitnah yang dianggap sebegitu merbahaya sekali di dalam negara ini. Sungguhpun Kerajaan tidak hendak mengambil tindakan dengan serta-merta tetapi mengikut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi, beliau memandang perkara ini sebagai serius. Sepatutnya perkara seumpama ini diambil tahu dan diambil-kira oleh semua Kementerian. Kerajaan, bukannya sahaja. Kementerian Dalam Negeri tetapi juga semua Kementerian-kementerian yang berkenaan seperti Kementerian Kehakiman sepatut sangat mencari jalan berusaha bersama supaya buku-buku baru tidak dikeluarkan berkenaan dengan bekas Ketua Hakim Negara kita ini. Kita tidak mahu hendak memungkit perkara-perkara yang sudah selesai kerana kita tahu bahawa masalah itu sudahpun tamat. Dan pada hari ini, kedudukan kehakiman di negara ini adalah amat mulia sekali dan dihormati oleh seluruh rakyat jelata di negara ini. Sekian sahaja, terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth, silakan.

4.43 ptg.

Jen. (B) Tan Sri Dato' Hohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth:

Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri hanya untuk menyokong dan ingin tambah sedikit sahaja. Yang pertama sekali, saya sokong Rang Undang-undang ini. Yang keduanya, saya mohon jasa baik Kerajaan dan pihak berkuasa supaya menambah lagi gaji dan elaun hakim-hakim itu.

Sepertimana Yang Berhormat saudara saya sebutkan tadi, kalau mengikut naturity, umur, pengalaman dan segalanya, saya ingat patut sangat golongan ini diberi gaji dengan berpatutan. Kita tidak jealous, dengan izin, kalau golongan judges ini diberi gaji setimpal dengan tanggungjawab dan segala-galanya.

Yaag keduanya, sepertimana Yang Berhormat saudara tadi sebutkan banyak kes-kes yang masih lagi outstanding, dengan izin. Ini salah satu sebab mungkin kekurangan judges. Kalau kurang itu, tambahlah. Saya percaya tentu sekali ada banyak orang yang handal-handal yang kita boleh lantik menjadi hakim.

Yang ketiganya, saya tumpang tanya - ini hairan sedikit, mengapakah separuh atau sebahagian daripada hakim itu pakai songkok, separuh itu pakai selubung ataupun, apa nama itu, saya minta maaf, saya tidak tahu namanya.

Tuan Adam bin Kadir: Wig.

Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth: Wig, dengan izin. Kepada saya wig itu tradisional. Saya gemarlah, kalau dia pakai wig itu gerus dia itu ada dan dia punya prestigenya, dia duduk di atas **itu**, takut orang menengoknya. Itu pandangan saya—lah. Walau apapun, saya ingat songkok, songkoklah. Kalau wig, wiglah.

Selain daripada itu, berkaitan juga dengan hakim dan juga mahkamah dari segi hukuman. Kalau boleh hukuman kepada kes-kes yang tidak boleh diampuni itu seperti yang mentorturekan budak-budak, mencuri dan segala-galanya kita mesti hentam orang yang buat jahat itu supaya dia tahu buat jahat sebegitu tidak boleh diampuni dan hukuman ialah berat betul. Tidak boleh gosan. Kalau kena itu, dia tidur terus. Dengan hukuman itu jadi sebagai satu deterrent, dengan izin, kepada orang-orang yang ingin membuat jahat sebegitu.

Itu sahajalah pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin ulangi, saya sokong Rang Undang-undang tersebut **itu**. Terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Terima kasih. Sekarang dengan hormatnya saya jemput Yang Berhormat Menteri Kehakiman menjawab.

4.42 ptg.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan dan pendapat berkenaan dengan Akta Saraan Hakim (Pindaan). Sekarang saya suka memberi jawapan kepada persoalan-persoalan yang dikemukakan.

Pertamanya, berkenaan dengan jumlah sebanyak \$110.00 yang dianggap terlalu kecil. Sebenarnya, jumlah \$110.00 ini bukanlah boleh dianggap sebagai kenaikan gaji, ia hanyalah dilakukan sebagai penyelarasan gaji ataupun "adjustment" yang telah diberikan kepada Pegawai-pegawai Kumpulan-kumpulan A, B dan C. Dan sebenarnya, hakim tertakluk kepada satu Rang Undang-undang Gaji yang berlainan. Ia diberikan kepada pegawai-pegawai Kerajaan tetapi oleh kerana Kerajaan memandangkan tahap dan kedudukan hakim itu begitu tinggi, apa juga perubahan yang diberikan kepada pegawai Kerajaan, diberikan juga kepada hakim-hakim walaupun dari segi kelayakannya tidak timbul perkara ini kepada hakim-hakim. Tetapi Kerajaan berpendapat apa jua kenaikan yang diberikan kepada pegawai Kerajaan, hakim perlu di ambilkira.

Jadi, saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat mengambilkira yang ini bukanlah bertujuan untuk memberi kenaikan gaji yang kecil atau ianya adalah satu perubahan struktur gaji. Tidak. Ia semata-mata untuk menyelaraskan dan untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, pada tahun 1988 apabila gaji pegawai-pegawai Kerajaan diturunkan, gaji hakim-hakim tidak diturunkan oleh kerana mereka tertakluk kepada Akta. Gaji mereka tetap kepada gaji yang mereka telah terima tetapi dinaikkan apabila gaji pegawai-pegawai Kerajaan hendak dinaikkan dan dikembalikan kepada tarikh penguatkuasaan gaji itu pada 1hb Oktober, 1983. Jadi, saya harap perkara itu dapat difahami dan oleh itu tidak timbul soal rationale, dengan izin, "cost of living index. Kalau kita membuat apa-apa jua perubahan berkenaan dengan struktur gaji, ia akan mengambilkira kadar hidup (cost of living index). Tetapi dalam hal ini oleh kerana ia adalah penyelarasan, ia tidak diambil langsung kira berkenaan dengan perkara yang disebutkan tadi.

Berkenaan dengan gaji 5% atau apa-apa jua di dalam pindaan ini, pada masa yang ada lampu, kalau ada apa-apa pindaan kepada gaji pegawai-pegawai Kerajaan, kita terpaksa meminda Akta Saraan Hakim untuk dinaikkan gaji. Dengan pindaan yang dilakukan kepada Jadual Pertama dan Kedua dimasukkan apa-apa jua pindaan kepada gaji kalau hendak dilakukan oleh Duli Yang Maha Mulia beri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat Kerajaan berunding dengan Ketua Hakim Negara, boleh menyelaraskan atau menaikkan gaji mengikut yang diberikan kepada pegawai-pegawai Kerajaan.

Kerajaan sedar bahawa kedudukan hakim itu begitu tinggi dan kerana kedudukan hakim itu begitu tinggi, sebab itulah kedudukan mereka dikawal dan diberikan tarat mengikut apa yang diberikan oleh Perlembagaan sehinggakan soal kedudukan hakim "conduct of judges", dengan izin, tidak boleh dibincangkan dalam Dewan dan tidak boleh dibuat sesuatu penghinaan atau untuk mencaci-cerca berkenaan dengan kedudukan hakim.

Jadi, soal ini Kerajaan memang sedar dan Kerajaan memang sentiasa akan menentukan yang kebebasan Kehakiman itu tidak terjejas.

Berkenaan dengan menambah Hakim-hakim ataupun Pesuruhjaya Kehakiman ataupun jumlah kakitangan di dalam Badan Kehakiman itu sendiri dari semasa ke semasa kita akan menambah jumlah Hakim mengikut peruntukan Perlembagaan dan kita juga telah melantik ramai Pesuruhjaya Kehakiman dan beberapa perantikan terhadap Hakim Mahkamah Sesyen telah dibuat bagi menentukan yang kita dapat menyelesaikan seberapa banyak kes-kes tertangguh yang kian bertambah, bukan kerana semata-mata kurangnya Hakim ataupun Majistret tetapi oleh kerana penambahan kes-kes yang dibawa ke Mahkamah oleh kerana penduduk kita lebih lagi, dengan izin, litigious minded. Jadi, kita akan sentiasa memberi perhatian yang rapat tentang jumlah Hakim dan menambah dari masa mengikut kesesuaian pada masa dan ketika yang diperlukan.

Berkenaan Pesuruhjaya Kehakiman, tujuan melantik Pesuruhjaya Kehakiman, Tuan Yang di-Pertua, ialah semata-mata untuk membantu menyelesaikan masalah penambahan kes dan kes-kes yang banyak dan ini bukan satu perkara yang luar biasa. Singapura pun telah mengadakan sistem dengan melantik Pesuruhjaya Kehakiman yang jangka masa mereka bekerja sebagai Pesuruhjaya Kehakiman adalah di bawah perjanjian dua tahun ataupun tiga tahun dan mengikut keadaan dan keperluan. Jadi, Kerajaan menganggap tidak perlu kita batalkan ataupun mansuhkan jawatan ini oleh kerana ada keperluannya kewujudan jawatan ini.

Berkenaan perkara yang dibawa oleh Yang Berhormat Datuk Tiong Hiew King, kes-kes yang tertangguh ini kadang-kadang masalahnya

masalah peguam, masalahnya masalah masa Mahkamah. Kalau kes jenayah, masalah siasatan, masalah Pendakwa Raya, jadi ia mempunyai hubungkait yang rapat dari satu Jabatan ke Jabatan-jabatan yang lain, Walau bagaimanapun, kita mengambil perhatian apa-apa juga teguran yang dibuat bagi menentukan kita dapat menjalankan pentadbiran Badan Kehakiman itu dengan cekap, dengan sempurna supaya ia dapat memberikan keadilan kepada rakyat,

Untuk membandingkan, Tuan Yang di-Pertua, tanggungaji kita dengan negara jiran ini susah sedikit oleh kerana apabila kita membuat perbandingan, kita kenalah mengambil kira taraf hidup ataupun cost of living di sesebuah negara. Singapura mempunyai cost of living yang lebih tinggi daripada negara kita dan keadaan ekonomi yang berbeza. Kalau kita lihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sendiri kalau dibandingkan dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Singapura misalnya, gajinya jauh berbeza. Jadi, kita kena mengikut keadaan dan suasana ekonomi di dalam negara kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Dato' Azumu Tak, saya mengucapkan terima kasih di atas ingatan beliau berkenaan Raja Berperlembagaan. Saya percaya kita semua faham maksud Raja Berperlembagaan dan kita berharap semua pihak yang terlibat di dalam sistem negara kita juga memahami apakah maksud sistem yang diamalkan di dalam negara kita ini.

Berkenaan dengan keratan akhbar yang dibawa, saya sudah baca keratan akhbar tetapi, Yang Berhormat, saya minta maaf, tidak semua keratan akhbar akan kita jawab oleh kerana perkara-perkara itu telahpun kita ambilkira di dalam memperbaiki sistem pentadbiran Mahkamah itu sendiri dan pelbagai cara-cara baru telah diperkenalkan oleh Badan Kehakiman sendiri untuk membetulkan ataupun

mempercepatkan lagi menyelesaikan kes-kes yang tertangguh yang sedia ada. Walau bagaimanapun, untuk pengetahuan Yang Berhormat, pihak Kementerian telahpun menubuhkan satu Jawatankuasa bagi tujuan untuk mengenalpasti masalah melihat dari segi struktur, daripada kacamata Badan Kehakiman sendiri, daripada kacamata Peguam Negara, pihak Polis dan pihak Pengamal Undang-undang bagi mencari jalan memperbaiki lagi dan meningkatkan lagi produktiviti Mahkamah ataupun pentadbiran Badan Kehakiman itu sendiri.

Setakat itu sahajalah, Tuan Yang di-Pertua. Segala masalah yang timbul dan dibangkitkan, kita ambil perhatian dan apa yang boleh kita laksanakan yang tidak membangkitkan apa-apa masalah, insya Allah, akan kita laksanakan. Terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Adam bin Kadir **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG AUDIT [PINDAAN]**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****4.58 ptg.**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bagi meminda Akta Audit 1957 dibaca bagi kali kedua.

Akta Audit 1957 ialah suatu Akta yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit akaun-akaun Kerajaan Persekutuan, Negeri-negeri, Pihak Berkuasa Awam dan lain-lain badan yang ditetapkan dan mengenai pembayaran gaji dan elaun kepada Ketua Audit Negara.

Rang Undang-undang bagi meminda Akta Audit 1957 ini adalah bertujuan untuk memasukkan seksyen baru iaitu seksyen 11 yang memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong meminda peruntukan-peruntukan Jadual kepada Akta melalui perintah disiarkan dalam **Warta** dan meminda Jadual Pertama kepada Akta itu dengan menggantikan perkataan-perkataan "lima ribu dua ratus sepuluh" dalam perenggan 1(1) dan 1,(2) dengan perkataan-perkataan "lima ribu tiga ratus dua puluh".

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 11 yang dicadangkan adalah untuk memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong meminda peruntukan-peruntukan Jadual melalui perkara yang disiarkan dalam **Warta**. Ini bertujuan untuk mengelakkan daripada keperluan merujuk untuk kelulusan Parlimen apa-apa pindaan peruntukan dalam Jadual Pertama kepada Akta Audit 1957 jika sekiranya ada perubahan gaji Ketua Audit Negara di masa-maaa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Jadual Pertama adalah untuk melaksanakaa pelarasan gaji Ketua Audit Negara sebanyak \$110.00 sebulan yang berkuatkuasa pada 1hb Oktober, 1988. Cadangan pelarasan gaji Ketua Audit Negara ini adalah ekoran daripada keputusan Kerajaan memberi pelarasan gaji kepada semua pegawai perkhidmatan awam Kumpulan "A" sebanyak \$110.00 sebulan yang berkuatkuasa pada 1hb Oktober, 1988.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Abdul Ghani bin Othman]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Adam bin Kadir: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Audit 1957 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Dipersilakan Tuan Hassan Harun.

5.02 ptg.

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan banyak terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Audit 1957.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk bercakap panjang, tetapi saya ada beberapa perkara untuk dibangkitkan dalam perbahasan ini. Terutamanya saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menegaskan betapa pentingnya Jabatan Audit Negara kepada negara kita, lebih-lebih lagi apabila negara kita sedang pesat membangun dan berkembang, maka dengan sendirinya kegiatan dan aktiviti Kerajaan akan bertambah dengan banyak. Dengan pertambahannya yang banyak, the span of control, bidang pengawalan Kerajaan akan dengan sendirinya menjadi lebih luas dan lebih besar dan menyukarkan pihak Kerajaan untuk inemastikan keseluruhan jenteranya berjalan itiangikut mana yang dikehendaki. Oleh itu, suatu badan seperti Jabatan Audit Negara ini amatlah penting untuk memastikan segala-galanya berjalan mengikut yang dikehendaki.

Dalam soal ini, pihak Parlimen, Ahli-ahli Parlimen sama ada Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara hanya mendapat Laporan Audit yang agak lewat, dua tiga tahun selepas perkara itu berlaku, barulah Laporan Audit sampai ke Dewan ini untuk diteliti dan dibincang. Maklumat-maklumat komen-komen yang telah dibuat ataupun perakuan-perakuan yang telah dibuat oleh Jabatan ini sudah menjadi out-of-date apabila sampai ke sini untuk dibincang dengan berkesan. Walau bagaimana sekalipun, ternyata apa yang ditegur oleh pihak Ketua Audit Negara pada semua aspek pentadbiran negara adalah satu perkara yang sangat-sangat dihargai.

Dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 1988 banyak komen-komen telah dibuat, misalnya berhubung dengan corporations ataupun firma-firma Kerajaan seperti PERWAJA, Sabah Gas Industries, ASEAN Bintulu Pertilizer, Kompleks Kewangan Malaysia, Perbadanan Perusahaan Berat Malaysia (HICOM), Kedah Simen dan Bank Bumiputra. Komen-komen ini menunjukkan bahawa pihak Ketua Audit Negara amat-amat tidak berpuas-hati dengan prestasi organisasi-organiaasi ini dan malahan

organisasi ini menjadi beban kepada Kerajaan. Setakat ini kita hanya dapat gambaran lebih kurang ada kemajuan, misalnya bagi PERWAJA seolah-olah ada silver lining over the horizon dalam prestasinya, dengan izin, dan, HICOM kerana kemajuan dan perkembangan ekonomi kita. Tetapi seperti Sabah Gas Industries sehingga akhir ini pun kita masih lagi dengar bukan sahaja masalah kompeni tidak berprestasi tinggi, merugikan, tetapi ada unsur-unsur politik di dalamnya yang menyulitkan Kerajaan membetulkan kedudukan yang tidak baik itu. Sejauhmanakah pandangan Ketua Audit Negara berhubung dengan ini diambil berat oleh mereka yang berkenaan, saya tidak pasti. Tetapi saya rasa bagi Kementerian-kementerian yang bertanggungjawab untuk mengatasi masalah-masalah yang dibangkitkan oleh Ketua Audit Negara ini perlulah diambil berat bersungguh-sungguh.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya juga dalam membaca kesemua Laporan ini tertarik dengan satu lagi komen mengenai Jabatan Pengangkutan Jalan. Dalam komennya, Ketua Audit Negara menegur bahawa Pejabat-pejabat JPJ di seluruh negara kebanyakannya terlalu sesak, tidak cukup, menyebabkan kondisi atau situasi di dalam pejabat itu tidak langsung memberi galakan untuk menghasilkan kerja yang bagus. Mengikut perhatian saya, beberapa Pejabat JPJ di seluruh negara masih lagi dalam keadaan demikian, boleh jadi kecuali di kawasan Wilayah Persekutuan di mana Pejabatnya dalam keadaan yang lebih baik dan susun selalu kerana dapat perhatian dan dekat dengan mata Menteri, boleh jadi. Tetapi sepertimana di Kota Bharu dan di peringkat negeri-negeri banyak lagi pejabat-pejabat dalam keadaan sepertimana yang ditegur pada tahun 1988, bererti keadaan 1987. Jadi, kalaulah kemajuan tidak ada selama ini apakah dibuat untuk

mengatasi masalah-masalah ini? Saya yakin apabila satu demi satu perkara yang dibangkit oleh Ketua Audit Negara ini dikaji dengan teliti, sudah pasti banyak perlu dibuat. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada sesiapa yang berkenaan berhubung dengan apa yang ditegur dalam ini sejauhmanakah Laporan Ketua Audit Negara ini diambil berat oleh mereka yang berkenaan ataupun menjadi laporan sahaja, lihat kulit depan dan belakang, tengok jabatan masing-masing diketepikan tanpa menghiraukan. Kalau itulah tujuannya, pindaan Akta hari ini pun sia-sia sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya ingin membangkit satu perkara yang patut menjadi perhatian kepada pihak Jabatan Ketua Audit Negara, iaitu mengenai jagaan harta-harta awam, maintenance of public properties, dengan izin. Saya dapati rata-cata bangunan yang baru siap, cantik dan indah dalam jangka masa yang singkat sahaja kita dapati terbiar, kerosakannya teruk dengan jangka masa yang amat pendek. Jadi, saya tidak tahu sejauhmanakah penjagaan kepada harta-harta awam ini dilakukan oleh jabatan-jabatan di seluruh negara dengan penuh tanggungjawab, dengan penuh kesedaran bahawa ini adalah harta rakyat. Kita dapati misalnya Jabatan Kerja Raya, banyak kenderaan yang tinggal terbiar ditepi-tepi jalan, kenderaan berat untuk membaiki jalannya, misalnya di jalan antara Bentong dengan Raub ada satu tedapat di mana jalan itu perlu diperbetulkan, kenderaan itu ada di situ bertahun-tahun tidak dialih dan kerja itu pun tidak selesai. Saya tidak tahu sama ada ini masuk di dalam bidang tugas Jabatan Ketua Audit Negara untuk meneliti kenapakah jentera-jentera dan barang-barang seperti ini terbiar sahaja. Bukan bangunan sahaja, semua sekali alat-alat Kerajaan.

Hanya beberapa ketika sahaja perkara itu baik, selepas itu tidak ada siapa yang peduli. Sampah-sarap, bangunan-bangunan yang tinggi. Kalau kita tengok bangunan-bangunan yang dikendalikan oleh pihak swasta cerminnya bersih. Bangunan-bangunan Kerajaan, malahan Parlimen, kalau kita tengok pekerjaanya ramai, cermin di sebelah sana tidak bersih, dibiarkan. Siapa yang menjaganya kita tidak tahu. Sama-lah masalah ini. Akhirnya sekali barang ini jadi rosak. Dan saya rasa kalau diteliti betul-betul dari segi perbelanjaan untuk menyenggarakan barang ini sudah pasti belanjanya berbilion-bilion ringgit.

Dengan lain perkataan, Tuan Yang di-Pertua, ada sesuatu yang salah tentang sikap kita terhadap harta orang lain, our attitude towards other peoples' property dan sikap ini perlu diperbetulkan. Dan saya rasa Ketua Audit Negara bolehlah timbulkan perkara ini supaya timbul kesedaran dan keinsafan betapa pentingnya kita jaga harta orang ramai dengan cara betul-betul seperti seolah-olah harta kita sendiri. Malahan bagi orang Islam adalah menjadi satu tuntutan untuk memastikan harta orang ramai itu diberi perhatian dan jagaan seperti harta sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya juga ingin menarik perhatian kepada pembelian alat. Baru-baru ini Ahli-ahli

Dewan Negara ini telah berkesempatan bersama-sama dengan Menteri Kewangan, kita dapati di antara perkara-perkara yang berbangkit di dalam membeli alat-alat untuk Kerajaan, ada beberapa perkara rupanya yang boleh menentu harga sesuatu itu murah ataupun mahal.

Perkara yang paling penting dalam soal ini ialah masalah specification ataupun spesifikasi barang yang hendak dibeli. Kalau spesifikasi barang yang hendak dibeli itu ditentu sedemikian rupa untuk membolehkan dibeli satu barang yang lebih mahal daripada barang yang lain maka sudah pasti barang itu dibeli dan barang yang murahpun tidak terbeli kerana spesifikasi tidak cukup, sedangkan kalau diteliti penggunaan barang itu tidak semahal sebagaimana. Jadi dalam persoalan ini saya ingin tahu daripada Jabatan Audit Negara sejauh manakah persoalan-persoalan seperti ini diberi kajian, penelitian supaya spesifikasi-spesifikasi yang tidak menguntungkan Kerajaan dan rakyat diperbetulkan supaya pembelian barang-barang Kerajaan jadi betul-betul sepertimana yang diperlui sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya tahu banyak perkara-perkara yang dibeli oleh jabatan-jabatan Kerajaan dengan tujuan-tujuan tertentu dibeli dengan sewenang-wenangnya kerana mungkin inilah puncanya. Kalaulah ini puncanya saya ingin tegaskan di sini supaya pihak Jabatan Audit Negara memberi perhatian khas kepada perkara-perkara **ini**, lebih-lebih lagi sekarang dalam proses kita membangun dengan begitu pesat menjelang kurun ke-21 ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menggulung ucapan yang ringkas saya **ini**, izinkanlah saya menyatakan kalaulah kita mahu duduk sama tinggi

dengan negara-negara maju, masalah maintenance, menjaga kualiti dalam semua aspek hidup kita adalah penting dan pentingnya aspek ini dalam soal kita bersaing dengan orang lain menjadi lebih-lebih lagi ketara. Oleh itu, bukan hanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sahaja yang patut menegur, menunjuk jalan supaya rakyat dan supaya kita semua sama ada orang awam ataupun kakitangan Kerajaan menitik-beratkan masalah-masalah yang saya sebutkan tadi. Dan saya rasa salah satu organisasi yang boleh selalu mengingatkan kita, terutama sekali mereka yang diberi tanggungjawab berhubung dengan perkara yang saya bangkitkan tadi, diingatkan selalu, ialah Jabatan Audit Negara. Oleh itu, saya sangat-sangat berharap kepada Jabatan ini supaya teruskan kerja yang baik ini dan pertingkatkan lagi prestasinya dan tumpukan lagi kepada bidang-bidang yang selama ini tidak tertumpu.

Sekian, saya sudahi dengan mohon menyokong. Rang Undang-undang ini.

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat Tuan Dahalan bin Haji Embun.

5.16 ptg.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kerana memberi saya peluang untuk membahaskan secara ringkas Rang Undang-undang yang dinamakan Akta Audit (Pindaan) dan seterusnya untuk menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, selepas kita mendengar perbahasan daripada Yang Berhormat Tuan Hassan Harun tadi, nampaknya tidak banyaklah

butir-butir yang dapat saya sebutkan. Bagaimanapun, saya cubalah sebut apa-apa yang ketinggalan dan saya cuba elakkan pertindihan butir-butir.

Jelas sekali kita dapati bahawa banyak sungguh masalah yang dihadapi oleh Ketua Audit Negara atau Jabatan Ketua Audit Negara ini. Jadi harapan kita selepas penyelarasan gaji ini sungguhpun \$110 pihak jabatan atau Ketua Audit Negara sendiri akan berlebih keras, berlebih tegas supaya jabatan ini lebih berkesan.

Tetapi daripada pandangan saya, saya dapati di sini masalah begitu banyak. Masalah penyelarasan di antara jabatan-jabatan dengan Jabatan Ketua Audit Negara. Itu satu masalah yang besar sekali. Masalah masa yang tidak cukup. Seringkali laporan-laporan daripada jabatan-jabatan dihantar begitu lewat. Yang saya dapati daripada laporan ini tidak ada yang dihantar dalam masa enam bulan seperti yang diperuntukkan.

Jadi, mungkin workload ataupun bottle neck telahpun berlaku, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Jadi ini menyebabkan kepada banyak backlog. Ini berjalan bertahun-tahun. Kita tidak tahulah bagaimana untuk hendak menyelesaikan masalah ini daripada satu tahun ke satu tahun, dia bukan berkurangan tetapi akan bertambah-tambah.

Satu masalah saya dapati pihak Ketua Audit Negara ini tidak diberi kuasa seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi untuk mengambil tindakan tata-tertib. Tetapi kalau diberi kuasa pun saya dapati kalau begitu banyak backlog, dengan izin, tidak mungkin

masalah-masalah yang dihadapi sekarang dapat diatasi dalam jangka masa dua tahun kalau diberi masa dua tahun untuk hendak menyelesaikan masalah ini.

Jadi antara masalah-masalah ini sebagai contoh; tadi Yang Berhormat telah mengeluarkan Laporan Ketua Audit Negara 1988 baru kita dapat tahun 1991. Ini daripada Ketua Audit Negara sendiri. Kita tidak sebut di sini daripada jabatan-jabatan.

Saya sebut sebagai contoh sebab ini satu pusat pengajian tinggi, Laporan Universiti Kebangsaan Malaysia, ada juga di muka 2. Ini Laporan tahun 1988 juga, Penyerahan Penyata Kira-kira. Saya akan petik:

"Penyata Kira-kira bagi tahun berakhir 31hb Disember 1988 telah diserahkan kali pertamanya kepada Audit dalam bulan Jun 1989. Penyata Kira-kira ini memerlukan beberapa pindaan dan penyelarasan. Penyata Kira-kira yang muktamad telah diserahkan balik kepada saya (iaitu Jabatan Ketua Audit Negara) dalam bulan Februari 1990."

Jadi inilah satu masalah. Tetapi ini daripada Universiti.

Lagi satu Laporan Audit yang lalu. Laporan Audit mengenai Kira-kira Universiti bagi tahun 1987 telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Universiti. Setakat yang diketahui Laporan Audit serta laporan tentang aktiviti Universiti bagi tahun 1987 yang telah dikemukakan kepada Kementerian Pendidikan masih belum dibentangkan dalam Parlimen seperti yang diperuntukkan oleh Akta Badan Berkanun, Akta dan Laporan Tahunan 1980.

Sebagai contoh, ini bukan saya hendak tujukan khusus kepada universiti tetapi apabila kita tengok laporan-laporan lainpun begitu juga dan dalam laporan ini lagi banyak secara summary.

Tadi Yang Berhormat telah menyebutkan berkenaan dengan syarikat-syarikat Kerajaan. Di sini ada juga iaitu Akaun Belum Terima, mukasurat , 4 iaitu masalah Penghantaran Balik Penyata-penyata. Daripada 48 laporan, 27 sahaja yang dihantar mengikut masa. Yang lain lagi, menghantar penyata tidak lengkap: 5; tidak menghantar penyata: 16; Jadi, fifty-fiftylah lebih kurang. Kalau kita hendak bercakap fasal kekesanan ataupun kecekapan, tak tepatlah kita hendak gunakan untuk Jabatan Audit Negara ini.

Jadi, dengan ini saya inginlah membuat beberapa syor ataupun cadangan agar pihak Kerajaan, (bukan Jabatan Ketua Audit Negara), untuk menimbangkan supaya dapat mengatasi masalah-masalah ini.

- (1) Saya cadangkan supaya tambahan peruntukan di Jabatan Ketua Audit Negara ini ditambahkan.
- (2) Saya cadangkan supaya pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja ditambahkan ataupun sekiranya ada bidang-bidang yang belum dicomputerise lagi, dicomputerisekan dengan sempurna.
- (3) Saya juga mencadangkan supaya sistem perakaunan yang lebih berkesan, yang lebih strategik iaitu strategic accounting, dengan izin, yang mengambil kira masa pada sesuatu ketika

supaya tiap-tiap sesuatu kegiatan itu dapat kita mengetahui daripada komputer daripada semasa ke semasa. Saya dapati di negara kita ini tidak kurang dengan akauntan-akauntan - akauntan dalam, akauntan luar, cost and management accountant, public accountant dan sebagainya. Jadi, daripada segi kelulusan saya ingat kita tidak kekurangan. Apa yang mustahak ialah kita perlu tambahkan peruntukan dan perlu tambahkan pegawai-pegawai untuk menyelenggarakan masalah-masalah yang saya sebutkan tadi.

- (4) Satu cadangan lagi, mungkin ini keterlaluan, ataupun mungkin menyebabkan pindaan peruntukan di dalam undang-undang iaitu saya percaya sebilangan besar daripada akaun-akaun daripada badan-badan berkanun dapat diswastakan iaitu tidak tertakluk kepada pengauditan daripada Jabatan Ketua Audit Negara. Saya rasa kalau ini dapat dijalankan iaitu swastakan akaun-akaun daripada badan-badan berkanun, saya rasa sudah lima-puluh peratus daripada bebanan itu dapat diselesaikan oleh pihak Kerajaan dan begitu juga syarikat-syarikat akauntan kitapun dapat menikmati hasil daripada cadangan saya **ini**.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, setakat inilah sahaja ucapan saya dan saya berharap dan saya yakin sekiranya cadangan-cadangan tadi dapat dilaksanakan, saya rasa pihak Jabatan Ketua Audit Negara ini

dapatlah menyempurnakan masalah-masalah yang dihadapi pada masa kini .

Tuan Yang-di-Pertua, sekian dan sekali lagi saya sokong di atas-Rang Undang-undang Audit (Pindaan) ini. Terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat Dato' Azumu Tak.

5.25 ptg.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut serta untuk membahaskan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Audit 1957 ini.

Saya juga menyokong saranan Yang Berhormat Senator Dahalan Haji Embun tadi supaya sebahagian daripada kerja pengauditan badan-badan berkanun ini diberikan kepada syarikat-syarikat swasta untuk menjalankan pengauditannya dan saya percaya kebanyakan mereka juga adalah bertaraf kemahiran yang tinggi yang boleh kita percayai cara-cara pengauditannya.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Audit ini kita ketahui adalah juga seumpama Jabatan Hasil Dalam Negeri di mana Jabatan Hasil Dalam Negeri ini apabila disebut sahaja, maka orang ramai takut hendak membuat perhubungan dan berasa risau apabila ada penyiasatan dibuat. Demikian juga tentang kakitangan Audit ini. Jika mereka datang membuat audit di sesebuah jabatan, maka kakitangan-kakitangan di jabatan berkenaan berasa risau. Ini adalah kerana di Jabatan Audit ini sungguhpun perkara itu adalah penting, tetapi perkara-perkara yang kecil selalu sangat diungkit oleh mereka sehingga prestasi di jabatan berkenaan itu menjadi lemah disebabkan queries yang begitu banyak dan kadangkala melampau lebih daripada apa yang sepatutnya.

Saya berharap perkara ini dapat diperbaiki dalam masa kita menjalankan pentadbiran moden ini dan saya berharap pihak pengurusan di peringkat pertengahan diberikan sedikit kuasa untuk menjalankan perkara-perkara pembayaran yang tidak perlu dijawab kepada Jabatan Audit. Misalannya, Tuan Yang di-Pertua, di badan-badan berkanun Kerajaan yang mengeluarkan wang, membuat pembayaran kepada orang ramai seperti RISDA, MARA dan sebagainya, ada kalanya cheque dikeluarkan dengan tersilap taip nombor kad pengenalan, transformation of figures, dengan izin. Kalau angka itu sepatutnya "79" tetapi entah bagaimana silapnya kerana biasanya ada tujuh angka, ia jadi "97". Apabila perkara seumpama ini berlaku **pun**, pihak pengurusan pertengahan ini takut hendak buat pemindaan kerana takut Jabatan Audit akan membuat query di masa-masa yang akan datang. Saya agak kuasa harus diberi kepada pengurusan peringkat pertengahan ini supaya jika perkara seumpama ini berlaku, pejamkanlah mata sebelah. Tidaklah perlu bagi orang kampung hendak datang balik, hendak tunggu dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang saya hendak sebutkan di sini adalah sistem pentadbiran Ketua Audit di negara ini haruslah dikaji semula dan jika boleh dipinda cara pengauditannya itu. Maksud saya, jika segala komen daripada pertanyaan Ketua Audit Negara itu disampaikan kepada sesebuah badan berkanun Kerajaan atau Jabatan Kerajaan, maka ianya dijawab oleh sebuah jawatankuasa di dalam badan yang berkenaan. Jika ianya badan RISDA atau MARA, ianya dijawab oleh Lembaga Pengurusan itu, satu pasukan Jawatankuasa Pentadbiran yang mungkin terdiri dari 10-15 orang. Tetapi apabila Ketua Audit Negara membalas balik teguran itu, jawapannya dibuat

oleh Ketua Audit Negara seorang sahaja. Ini tak patut sekali kerana pemikiran orang ramai yang menjawab teguran **itu**, tetapi jawapan balik itu dibuat oleh seorang individu sahaja. Sungguhpun Ketua Audit Negara adalah seorang yang berkelulusan daripada segi pengauditan dan sebagainya, tetapi pemikiran seorang itu mungkin tidak boleh diterima, jauh bezanya dengan pemikiran sebuah jawatankuasa.

Di peringkat Dewan Rakyat, kita ada sebuah jawatankuasa yang kita panggil Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (Public Accounts Committee) yang akan bersama-sama membuat teguran atau jawapan kepada teguran-teguran. Oleh hal yang demikian, -Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan supaya di Jabatan Audit Negara ini juga ditubuhkan sebuah Jawatankuasa untuk menjawab atau membalas apa sahaja jawapan atau apa sahaja komen yang dibuat oleh badan-badan tersebut terhadap akaun-akaunnya.

Misalan yang kedua yang oleh saya beri ialah apabila Ketua Audit Negara membuat komen terhadap cara-cara menjaga kira-kira di dalam Berita Nasional (BERNAMA) bagi tahun 1988, ada disebutkan di situ berkenaan dengan pembelian komputer. Pembelian komputer di BERNAMA dibuat oleh sebuah Jawatankuasa yang dipanggil Jawatankuasa Pengurusan BERNAMA dan apabila komputer itu dibeli oleh Jawatankuasa Pengurusan ini, maka Ketua Audit Negara pun menyampaikan 'query' yang menyatakan bahawa pembelian itu tidak mengikuti cara-cara yang sepatutnya, tidak ada sebut harga dan sebagainya. Walhal Jawatankuasa Pengurusan itu yang berjumlah 10 orang telah bersetuju dan jenama apa yang hendak dibeli oleh mereka telah dibuat kajian sebelum dibeli oleh BERNAMA. Kenapakah Ketua Audit Negara hendak query perkara yang seumpama ini? Itulah sebabnya jika di dalam Jabatan itu ada sebuah Jawatankuasa, maka Jawatankuasa ini juga boleh membuat kajian sama ada apa yang dibuat oleh BERNAMA itu betul ataupun tidak.

Lagi satu dia kata BERNAMA tidak membuat rekod tentang asset-asset mereka di dalam BERNAMA. Takkanlah perkara seumpama ini boleh berlaku di dalam badan Kerajaan. Saya tidak percaya, cuma cara penjagaan asset itu mungkin tidak mengikuti apa yang dikehendaki oleh Ketua Audit Negara. Apa hak dia sangat hendak jaga bagaimana orang ini buat kerja. Sistem BERNAMA, sistem BERNAMA lah, dia ada sistemnya sendiri yang patut diikutinya. Maka Ketua Audit Negara seharusnya tidak membuat komen seumpama ini. Jika beliau membuat komen seumpama ini, itulah yang membuatkan kerjanya begitu banyak dan itulah jadinya masalah seperti yang ditimbulkan oleh kedua orang sahabat saya tadi, di mana mereka mendapat laporan yang

lambat daripada Ketua Audit Negara kerana perkara-perkara yang kecil ini hendak diambil tahu, walhal Ketua Jabatan yang berkenaan menjaganya dengan sepenuhnya dan dengan baiknya, cuma sistemnya mungkin berlainan.

Degan itu saya menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Tidak ada orang lagi hendak bercakap. Jadi, dengan hormatnya saya menjemput Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri menjawab. Silakan.

5.33 ptg.

Dato' Abang Abu Bakar bin Dato' Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Hassan bin Harun, Yang Berhormat Tuan Dahalan bin Embun dan Yang Berhormat Dato' Azumu bin Tak di atas pandangan dan nasihat yang diberi oleh mereka berkenaan dengan Rang Undang-undang yang dibahaskan oleh Dewan yang mulia ini.

Point-point yang dikemukakan oleh mereka, pertamanya, yang saya ingin bangkitkan di sini ialah berkenaan dengan akaun-akaun dari Badan-badan Berkanun patut diswastakan. Sebenarnya, banyak sudah Badan-badan Berkanun seperti Universiti-universiti dan juga Pelabuhan-pelabuhan yang akaun-akaun mereka telah diberi kepada firma akauntant swasta untuk diauditkan dan dari semasa ke semasa kita akan memberi banyak lagi akaun Badan-badan Berkanun kepada pihak swasta supaya perkara ini dapat diselesaikan dengan secepat mungkin daripada Jabatan Audit kerana seperti Ahli-ahli Yang

Berhormat sedia maklum bahawa Jabatan Audit bukan sahaja mengaudit akaun-akaun Badan-badan Berkanun bahkan mereka juga mengaudit Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan di peringkat Persekutuan dan juga di peringkat negeri-negeri di seluruh Malaysia ini. Setakat ini kita kurang mencukupi Akauntant dan Auditor-auditor untuk mengendalikan seluruh tugas-tugas yang dipegang oleh Jabatan Audit di bawah Jabatan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberi jawapan terperinci atas point-point yang diberikan oleh mereka oleh kerana yang penting dibahaskan di bawah Akta (Pindaan) ini ialah hanya dua point sahaja; pertama, Seksyen 11 yang memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong untuk meminda peruntukan-peruntukan Jadual melalui perkara yang disiarkan di dalam Warta. Kedua, hanya pindaan kepada Jadual Pertama iaitu untuk melaksanakan pelarasan gaji Ketua Audit Negara sebanyak \$100.00 yang berkuatkuasa pada 1hb Oktober, 1988.

Jadi, walaupun demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat atas pandangan yang bernas dan insya Allah Jabatan Audit akan mengambil perhatian atas pandangan-pandangan yang diberi oleh mereka itu. Terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Adam bin Kadir **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG AMANAH PENCEN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.39 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Abdul Ghani bin Othman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Pencen dan bagi membuat peruntukan mengenai pengurusan Kumpulan Wang itu dan perkara-perkara lain yang bersampingan dengannya dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Seperti Dewan ini sedia maklum, faedah-faedah persaraan bagi pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Kerajaan adalah dibayar melalui Belanjawan Tahunan. Pada masa dahulu peruntukan untuk tujuan ini tidak begitu banyak kerana tidak berapa ramai pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan bersara. Tetapi dalam beberapa tahun yang lalu ramai pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan telah bersara dan bayaran faedah persaraan ini telah bertambah dari setahun ke setahun.

Pada tahun 1985, misalnya, bayaran faedah-faedah persaraan berjumlah \$764.2 juta atau 3.8% daripada Perbelanjaan Mengurus dan bayaran ini telah meningkat kepada \$1,057 juta bagi tahun 1990 atau 4.3% daripada Perbelanjaan Mengurus.

Adalah dijangka tanggungan ini akan meningkat lagi kepada \$1,673 juta pada tahun 1995, \$2,701 juta pada tahun 2000 dan seterusnya sebanyak \$7,038 juta pada tahun 2015. Memandangkan tanggungan kewangan yang besar ini, tindakan perlu diambil oleh Kerajaan bagi menentukan peningkatan beban tanggungan kewangan ini tidak sampai ke tahap yang akan menyulitkan Kerajaan. Setelah dikaji dengan teliti, adalah didapati wajar satu akaun amanah yang dinamakan Kumpulan Wang Amanah Pencen ditubuhkan.

Tabung pencen ini boleh ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957. Tabung ini akan mengumpul sumbangan dari Kerajaan serta sumber-sumber kewangan lain yang dibenarkan di bawah Seksyen 8 Rang Undang-undang dan wang yang terkumpul itu kemudiannya akan dilaburkan. Dividen atau faedah yang diperolehi dari pelaburan itu akan terus dilaburkan dengan cara itu, aset tabung ini akan menjadi besar dari masa ke semasa dan akan dapat membantu Kerajaan membiayai sebahagian atau sepenuhnya bayaran faedah-faedah persaraan kepada kakitangan Perkhidmatan Awam pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, Kumpulan Wang ini sepertimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 4 Rang, Undang-undang ini akan ditadbirkan oleh sebuah badan yang dipanggil Majlis Kumpulan Wang Amanah Pencen yang mana anggota-anggotanya adalah sebagai pemegang amanah; Ahli Majlis ini adalah terdiri dari pegawai-pegawai kanan Kerajaan serta mereka yang berpengalaman dalam bidang pelaburan daripada pihak awasta. Majlis ini adalah oertanggungjawab bagi mentadbirkan Kumpulan Wang Amanah Pencen ini sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 3(2) Rang Undang-undang. Dalam menjalankan kewajipannya, Majlis ini adalah bertanggungjawab bagi perkara-perkara yang ditentukan oleh Rang Undang-undang dan juga bertanggungjawab kepada Menteri Kewangan.

Sementara itu, satu panel yang dipanggil Panel Pelaburan Amanah Pecen akan dilantik mengikut Seksyen 5 Rang Undang-undang. Panel ini akan bertanggungjawab atas perkara-perkara yang berhubung dengan pelaburan aset kumpulan wang. Mereka akan menentukan bahawa Wang Kumpulan Amanah Pecen akan dilaburkan dengan sebaik mungkin dan memberi keuntungan. Selain daripada pegawai-pegawai Kerajaan, ahli-ahli Panel Pelaburan ini juga akan mengandungi mereka yang berpengalaman dalam bidang pelaburan dari pihak swasta. Dalam menjalankan kewajipannya, Panel Pelaburan boleh melaburkan wang yang ada dalam kredit Kumpulan Wang dalam mana-mana pelaburan yang dibenarkan oleh Ordinan Pemegang Amanah 1949, Akta Pelaburan Pemegang Amanah 1965 dan juga secara yang dibenarkan mengikut seksyen 10(1) Rang Undang-undang.

Pengurusan dan pentadbiran tabung ini akan dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Akauntan Negara, Kementerian Kewangan, menurut seksyen 3V3) Rang Undang-undang. Buat masa ini, tidak ada sebarang keperluan untuk tambahan pegawai dan kakitangan bagi mengendalikan Kumpulan Wang ini. Jabatan Akauntan Negara akan menggunakan perkhidmatan daripada pegawai dan kakitangan yang ada di Jabatannya sekarang.

Bagi menentukan kelicinan perjalanan urusan Kumpulan Wang Amanah Pecen dalam menjalankan kewajipannya, Menteri Kewangan akan mengeluarkan dari masa ke semasa peraturan-peraturan yang berkaitan dengan perkara-perkara yang disebut oleh Rang Undang-undang.

Untuk melancarkan tabung ini, Kerajaan akan memberi sumbangan sebanyak 5% daripada emolumen. Tahunan iaitu sebanyak \$500 juta kepada tabung ini. Jumlah ini telahpun disediakan dalam Belanjawan 1991. Sumbangan ini adalah kecil jika dibandingkan dengan

jumlah faedah-faedah persaraan yang perlu dibayar pada tiap-tiap tahun. Oleh itu, sumber-sumber kewangan lain adalah diperlukan. Dua sumber kewangan telahpun dikenalpasti dan boleh dikumpul oleh tabung ini iaitu:-

- (1) Caruman hak Kerajaan yang dikembalikan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja apabila seseorang pegawai berpencen/bersara yang dianggarkan lebih kurang \$60 juta setahun.
- (2) Caruman majikan badan-badan berkanun dan kuasa-kuasa tempatan atas kadar 17% daripada gaji pegawai-pegawai badan-badan berkanun dan kuasa-kuasa tempatan yang telah dimasukkan ke dalam perjawatan berpencen. Anggaran jumlah kutipan tahunan daripada sumber ini ialah lebih kurang \$140 juta setahun.

Walau bagaimanapun, sebelum sumber-sumber kewangan ini boleh dikumpulkan, beberapa pindaan tertentu perlu dibuat kepada Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1951 dan Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 serta juga Akta Pencen 1980, (Akta 227). Ini akan dilakukan apabila tabung ini mula beroperasi kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Seri S. Samy Vellu]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Adam bin Kadir: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta bagi menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Pencen dan bagi membuat peruntukan mengenai pengurusan Kumpulan Wang itu dan perkara-perkara lain yang bersampingan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sila, Senator Hajah Salbiah.

5.46 ptg

Puan Hajah Salbiah biuti Mohd Akim:Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong suatu Akta bagi menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Pencen bagi membuat peruntukan mengenai pengurusan Kumpulan Wang itu dan perkara-perkara,lain yang bersampingan dengannya.

Saya mengucapkan tahniah kepada Timbalan Menteri Kewangan yang membentangkan Akta ini untuk menubuhkan Tabung Amanah Pencen dan kalau kita **teliti**, perkara-perkara ini sangat baik. Pencen ini ialah satu perbelanjaan yang besar sebagaimana kata Yang Berhormat tadi dan memang kita akuilah kerana makin lama makin ramai orang berpencen. Kalau tidak kita buat satu Tabung Amanah, memang menyusahkan perkara-perkara sedemikian rupa.

Apa yang saya ingin katakan di sini iaitu begini baik Akta ini, perjalanan ataupun penyampaian ucapan untuk meyakinkan kita agar perkara ini kita bersetuju semua, memang kita setujuh tetapi yang saya bimbangkan pelaksanaan. Pelaksanaan ini kadang-kadang kita tidak nampak kebaikan dia. Kalau tidak betul-betul, ada pengaduan daripada bawah-bawah ini bersangkutan dengan pencen. Kalau dengan pegawai-pegawai Kerajaan yang menerima pencen ini masalahnya senang tetapi kepada balu bukanlah begitu. Saya selalu bela balu-balu yang menerima pencen ini, Yang Berhormat, kerana saya selalu mendapat pengaduan berkaitan ini. Kalau kita baca ini sangat baik - satu tabung amanah - termasuklah nanti balu-balu ini akan mendapat pencen. Sepertimana aaya sarankan supaya \$300 ke bawah itu tidak dipotong pencennya, insya Allah, akan dapat dilaksanakan dengan adanya Tabung Amanah Pencen ini pada masa akan datang, kerana kita cari wang, buat satu tabung dan longgokkan di situ yang akan dibahagi-bahagikan termasuklah balu-balu yang pencen ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapati ada beberapa perkara yang patut diambil perhatian oleh pihak-pihak Kementerian ataupun Jabatan yang mengelolakan pencen-pencen balu ini. Kepada pegawai Kerajaan, saya ulang lagi sekali, tidak menjadi masalah, tetapi kepada balu menjadi masalah, kerana setiap tahun akan datang surat kaji selidik kepada balu-balu ini supaya menyatakan sama ada dirinya sudah bernikah semula ataupun tidak.

Tuan Adam bin Kadir: Apa yang dikaji? Apa yang diselidik?

Puan Hajah Salbiah bittti Mohd. Akim: Dia kaji-selidik. kepada orang yang punya diri. Macam saya, balu - saya akan mendapat surat daripada Jabatan Pencen ini menanyakan kepada saya supaya memberi pengakuan yang saya tidak nikah, kalau sudah nikah, akan dipotong pencennya itu.

Tuan Adam bin Kadir: Dia tidak tanya umur balu berapa?

Puan Hajah Salbiah blnti Mohd. Akim: Dia tidak tanya umur, selepas itu mesti diakui oleh seorang yang lain, pegawai kanan yang Division I sekurang-kurangnya, kalau di daerah - Pegawai Daerah. Jadi manalah balu-balu ini hendak cari, setengahnya dia malu. Kalau tidak dijawab dengan betul, tunggulah 3-4 bulan pencen tidak dapat. Cuba kita bayangkan apabila seorang balu yang mengharapkan pencen 3-4 bulan tidak dapat pencen, ke mana dia akah mencari nafkah untuk memberi makan, hendak sara, setengahnya itu ada anak-anak, Tuan Yang di-Pertua, ke mana dia hendak pergi? Dia akan pergi berhutang.

Masalah ini, saya rasa mungkin kecil kepada pandangan orang

yang bertaraf tinggi,tetapi kepada orang yang rendah ini dia rasa amat sakit. Dia akan pergi berhutang di kedai runcit, berhutang kepada orang-orang lain, sebulan, dia kata tunggu, bila dapat pencen saya besok, saya akan bayar semula. Sebulan tidak dapat, dua bulan tidak dapat, tiga.bulan tidak dapat, empat bulan belum tentu, kerana jawapan ini terlewat, jawapan kaji-selidik ini tadi. Maka ini menjadi masalah kepada balu-balu yang pencen **ini**, tidakkah boleh kita cari satu jalan yang senang untuk mengatasi masaiah ini? Tidak payahlah sampai ke **grass-root itu**, kita di dalam Jabatan mengadakan satu jawatankuasa untuk mesyuarat, memikirkan perkara itu, memikirkan perkara **ini**.. Ini rakyat kita, hendaklah memikirkan bahawasanya kalau kita kaji dia ini sudah terima pencen sampai 20 tahun, bermakna dia muda lagi sudah menerima pencen, sudah sampai 20 tahun menerima pencen, takkan dia hendak bernikah semula, tidak payahlah kita hantar surat kepada **dia**, hendak tunggu jawapan daripada dia baru dapat luluskan pencen. Maka kita boleh. memikirkan sendiri bahawasanya orang ini tidak nikah sebab kalau umur dia 30 tahun dahulu dia menerima pencen, sekarang sudah berumur 50 tahun takkan dia hendak bernikah, bermakna dia tidak nikah di masa umur 30 tahun , sudah 50 tahun tidak ada siapa mahu! [Ketawa]

Tuan Adam bin Kadir: Belum tahu! [Ketawa]

Puan Hajah Salbiah binti Mohd. Akim: Di negeri luar, saya tidak tahu, tetapi kalau dalam Malaysia ini, kalau adapun seribu satu pun susah, betul tak? Seribu satu pun susah, hendak bernikah lain kalau umurnya sudah meningkat 50-60 tahun, betul tak saya katakan ini, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Adam bin Kadir: Kalau satu dalam seribu ada juga.

Puan Hajah Salbiah binti Mohd. Akim: Tidak tentu. Saya ingat dahulu satu cerita, ini tidak melibatkan orang, cerita lama, umurnya 64 tahun dia bernikah.....

Tuan Adam bin Kadir: Ada tu.

Puan Hajah Salbiah binti Mohd. Akim: Itulah seribu satu, pun payah, berpuluh-puluh tahun baru kita dengar, masuk dalam surat-khabar di muka hadapan. Jadi masalah ini patut kita kaji walaupun detail tetapi kita boleh adakan satu jawatankuasa untuk menyemak balu-balu yang pencen ini. Kalau umurnya 30 tahun dahulu dia tidak nikah, tiap-tiap tahun dia menerima pencen sehingga berumur 50 tahun atau 50 tahun ke atas, bermakna orang ini tidak akan nikah, 'Ayam tak patuk, icik tak sudu'. **[Ketawa]** Jadi, kita teruskan sahaja pencen dia, tidak payah hantar surat kaji, bolehkah Tuan Yang di-Pertua? Saya rasa Kerajaan kita boleh buat.....

Tuan Adam bin Kadir: Saya tidak tahu tentang 'Ayam tak patuk, icik tak sudu'

Puan Hajah Salbiah binti Mohd. Akim: Nantilah saya bawa tunjuk kepada Tuan Yang di-Pertua. **[Ketawa]** Siapa yang hendak mengesahkan dia ini, macam saya kadang-kadang mengesahkan jugalah pencen balu-balu itu, sebab bolehlah laku ada dua cop ini, cop JP, cop sebagai Senator ini bolehlah kita tolong, kadang-kadang hendak jumpa pun susah juga, kalau tidak dia kena pergi pejabat, kasihanlah wanita ini. Dia banyak masalah, jadi itu satu perkara yang patut kita perhatikan dan laksanakan. Ini cadangan saya supaya tidak menyusahkan orang, atau benar-benarkah ada yang sudah nikah masih

dapat pencen? Kita tidak kaji selidik betul-betul ini, surat tidak jadi masalah, hendak balas surat ini tidak jadi masalah, tidak nikah, cop, sains macam tadilah kita punya audit bukan? Inipun macam itu juga, kejam mata sebelah cop - bagi dia terima pencen, tetapi sudah bernikah kita tidak tahu. Adakah pernah kita buat kajian?

Tuan Adam bin Kadir: Cuba Yang Berhormat cadang macam mana hendak tahu orang itu bernikah atau tidak?

Puan Hajah Salbiah binti Mohd. Akim: Pergi tengok buku tok Kadi takkan tidak tahu, di daerah-daerah kita ada Kadi Daerah, boleh tengok setiap tahun, termasuk nama orang **ini**. Kita boleh bandingkan dengan yang menerima pencen, ada perkara-perkara ini, saya rasalah - saya tidak mahulah khabar. Ini bukan kerja saya. **[Ketawa]** Jadi, ini Yang Berhormat, kasihanilah.

Saya dapat pengaduan baru-baru ini seorang balu yang menerima pencen 4 bulan tidak dapat, nasib baik pada hari itu seorang teman lalu di rumahnya, dia bertanya: "Sudah makan?" "Belum. Kami ini sudah berapa- hari tidak makan nasi." "Fasal apa?" "Tidak ada beras". "Fasal apa?", "Emak tidak dapat pencen, kedai tidak mahu beri hutang", Sedih, Tuan Yang di-Pertua. Kita kata negeri kita ini macam **ini**, kita tidak percaya ada orang yang makan bubur disebabkan perkara macam **ini**, ini kita kena kaji. Kita ini mendapat pengaduan sedemikian, maka itulah saya sarankan dalam Dewan ini. Walaupun lawak jenaka tadi, tetapi perkara ini adalah satu perkara yang serius, satu feedback yang baik untuk Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya melaksanakan. Pelaksanaan ini yang paling penting

sekali. Tuan Yang di-Pertua.

Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan kerana pada satu masa kelak kita akan menjadikan angka-angka yang tinggi untuk pensyen ini. Ini juga kerana kita yang benarkan orang pensyen, kenapa kita tidak cari satu jalan yang lain? Sekarang ini umur dia rendah sudah pensyen, tetapi pensyen tidak boleh diterima masa itu, tunggu umur 55 tahun. Kalau dia mati, pensyen tidak merasa, tidak ada rasa pensyen, sebab umur 45 boleh pensyen, tetapi pensyen yang dia hendak terima sesudah 55 tahun. Jadi, kalau dia meninggal dunia pada masa itu, tidak ada pensyen. **[Ketawa]** Yang inipun satu perkara juga, ramai dirungutkan oleh orang-orang yang berkaitan. Kalau kita tidak beri dia pensyen, dia pun tidak ada peluang. Umpamanya pada masa sekarang ini, orang sibuk hendak mengambil bahagian, dia hendak pensyen cepat, hendak pergi membuat kerja-kerja lain Untuk mencari pendapatan yang lebih, kita menggalakkan. Tetapi kalau dia berhenti, tidak dapat dia punya gratuity hendak buat modal apa, hendak pinjam kita sudah bincang selalu - susah. Ini pun satu masalah juga, kita jangan memikirkan bahawasanya sedap hati orang dengar, pelaksanaan itu selalu kurang memuaskan.

Bukan saya bercakap ini hati saya suka, kerana saya seorang yang termasuk di dalam kita yang ditugaskan untuk meluluskan bersama-sama undang-undang ini. Jadi kita seperti, "tebuk air di dulang kena ke muka sendiri", macam itulah cara-caranya tetapi kalau tidak disebut, kemungkinan berlebih-lebih lagi.

Beralih kepada perkara yang lain, saya rasa saya di dalam Dewan ini sudah tahun yang kelima. Dalam tahun yang kelima ini pegawai-pegawai Kerajaan telah begitu baik nasibnya, terbela oleh Kerajaan Barisan Nasional kerana dalam lima tahun ini telah menerima kenaikan gaji dua kali termasuk yang akhir ini. Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini seolah-olah bukan seolah-olah tetapi seperti lilin membakar diri menerangi orang lain, membakar dirinya sendiri. Saya rasa Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua lebih maklum peribahasa itu. Pegawai-pegawai Kerajaan ada lagi - diadakan pemilihan prestasi kerja yang baik di Kementerian-kementerian, di Jabatan-jabatan, mendapat hadiah-hadiah yang boleh dikatakan baik juga. Tetapi kadang kala ada perkaranya - oleh kerana rajin bekerja itu tersilap. Saya minta maaf banyak-banyak kepada pegawai-pegawai Kerajaan, saya juga dahulu seorang pegawai Kerajaan. Kita kalau hendakkan up-to-date, kenalah belek sedikit.

Saya pernah menerima surat daripada satu jabatan ditulis di atas itu haribulan yang sama harinya yang saya terima. Ini mustahil. Kalau umpamanya diposkan dari Kuala Lumpur ini Ihb Mac yang tertulis di atas surat itu, maka saya juga menerima pada Ihb Mac, pukul 10.00 pagi di Pulau Pinang. Saya minta maaf banyak-

banyaklah kerana saya bercakap ini dengan hati yang ikhlas kerana hendak membela diri kita. Ini patut diperhatikan - kalau hendak mengepos surat itu, pegawai berkenaan hendaklah ambil perhatian. Kalau terkena kepada orang yang sebagai kita Ahli-ahli Dewan, macam saya katakan tadi, "seperci tepuk air di dulang kena muka sendiri". Tetapi kalau dapat kepada orang-orang yang tidak bertanggungjawab, maka segala kemudahan yang didapati ataupun yang dikatakan kerja yang baik itu tadi akan melibatkan perkara-perkara yang semacam itu. Di mana prestasi kerja baik? Ini dia! Ihb hantar, Ihb saya terima - jauhnya Pulau Pinang dengan Kuala Lumpur, pukul 10.00 pagi Postman sudah hantar ke rumah - bukan pos laju, bukan hantar sendiri - by post dengan izin. Ini harap diambil perhatian.

Saya menengur dengan ikhlas hati, tidak ada rasa sakit hati, tidak ada sesuatu pun, ia datangnya dari hati yang ikhlas untuk membela kebaikan kita bersama.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak ada lagi perkara-perkara yang saya hendak bangkitkan berkaitan dengan Rang Undang-undang ini, maka saya dengan ini dengan penuh hati menyokong suatu Akta bagi menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Pencen dan bagi membuat peruntukan mengenai pengurusan Kumpulan Wang itu dan perkara-perkara lain yang bersampingan dengannya. Yang bersampingan itulah yang saya banyak cakapkan tadi. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Kementerian yang berkenaan untuk memberi jawapan.

6.05 ptg.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang

Berhormat Hajah Salbiah binti Mohd. Akim yang telah sudi bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang di hadapan kita pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menerima hakikat bahawa Yang Berhormat Hajah Salbiah adalah seorang Ahli Dewan Negara yang datangnya daripada pihak Kerajaan yang amat peka kepada rintihan masyarakat. Kita bukan sahaja peka kepada kepentingan orang-orang yang ada pengaruh, orang yang kuat, kita juga peka kepada rintihan daripada masyarakat terbanyak. Itu sebabnya Yang Berhormat Hajah Salbiah membawa perkara ini dalam Dewan yang mulia ini. Sambil itu pula, Kerajaan Barisan Nasional adalah sebuah Kerajaan yang paling peka -terhadap harapan dan permintaan rakyat dan dalam hal pencen ini khususnya kakitangan Kerajaan. Selain daripada peruntukan pencen ini termaktub dalam Perlembagaan, Kerajaan Barisan Nasional telahpun memenuhi peruntukan Perlembagaan tersebut dan bukan itu sahaja bahkan telah mempelbagaikan kemudahan pencen itu dengan beberapa bentuk dan rupa. Di antaranya adalah pencen terbitan yang dapat dinikmati oleh balu-balu yang mewarisi pencen tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah di antara negara dari segi kemudahan untuk menyara kemudahan sosial semasa tua di kalangan kakitangan Kerajaan dan waris-warisnya yang dapat menjadi bukti bahawa pihak Kerajaan adalah satu Kerajaan yang bukan sahaja peka tetapi menghayati ciri-ciri peri kemanusiaan yang amat mendalam sekali.

Pencen terbitan ini di antaranya saya akuilah ada dia punya had dan batasannya dan jika sekiranya ada pihak balu yang agak terjejas

hak untuk menerima bayaran pencen itu oleh kerana kajian-kajian, siasatan-siasatan yang perlu dibuat untuk memastikan bahawa had dan batasan itu tidak diengkari dengan sewenang-wenangnya, mungkin ada kes-kes di mana pihak balu yang tertentu yang merasa terjejas daripada cara pentadbiran tersebut.

Oleh yang demikian, rintihan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Hajah Salbiah supaya kes-kes di mana berlakunya kematian si pencen, maka kemudahan pencen terbitan untuk balu itu sewajarnya tidak terhenti sehingga siasatan dibuat. Maka dari segi pentadbirannya, sepatutnya dapat kita teruskan dan jika perlu dibuat siasatan, maka ianya sepatutnya dilakukan selepas daripada berlakunya kematian.

Jadi kalau sekiranya Yang Berhormat Puan Hajah Salbiah mengatakan bahawa janganlah seseorang balu tadi. sehinggakan 4 bulan tidak mendapat pencen selepas si pencen tadi meninggal dunia, maka saya ingin memberi jaminan di sini bahawa dari segi pentadbirannya maka pihak Kerajaan akan mengkaji supaya masalah yang berbangkit daripada kes seperti ini tidak akan berlarutan.

Saya mendengar hujah Yang Berhormat Puan Hajah Salbiah tadi mengatakan bahawa dia tidak mengatakan kalau seseorang balu tadi kahwin setnula maka hak pencen terbitannya tak boleh ditarik, dia tidak berkata demikian, sekadar dia mengatakan balu yang menerima pencen terbitan biasanya tidak kahwin semula.....

Puan Hajah Salbiah binti Mohd. Akim: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Buat siasatan, mungkin ada balu-balu itu yang sudah bernikah semula tetapi dia tak mengaku bernikah. Itu yang saya kata. Kalau dia sudah bernikah, tarik baliklah, tak apa, itu undang-undang kita. Terima kasih.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, Yang Berhormat Puan Hajah Salbiah tidak mengatakan kalau sudah kahwin pun terima pencen terbitan. Jadi maknanya kalau sudah kahwin seimila, terbukti sah, maka tarik semula pencen terbitan.

Tuan Yang di-Pertua, tentang sama ada seseorang tadi bernikah semula pada umur 30, 40, 50, 60, ini takdir Tuhan, kita tak tahu jodoh orang. Kadang-kadang masuk umur 60 tahun dia jumpa boyfriend lama dia, dia kahwin semula, kita tak tahu. **[Ketawa]** Mungkin itu berlaku. Jadi, tentang seorang sudah bernikah wujud dalam satu

masyarakat dengan peruntukan undang-undang Islamnya dan pengawasan masyarakat, saya percaya bahawa perkara ini tidak berlaku dengan secara berleluasa sehinggakan ada yang sudah bernikah semula masih lagi menerima kemudahan pencen terbitan. Kalau sekiranya ada berlaku, kita tak mengatakan bahawa tidak ada dan kalau sekiranya berlaku, saya percaya bahawa masyarakat sekeliling akan memberi maklumat dan apa juga tanda-tanda bahawa seseorang tadi sudah pun berkelamin semula dan saya percaya maklumat seperti ini akhirnya dapat sampai kepada pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tencang perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Salbiah mengenai bidalan "tepek air di dulang, terpercik ke muka sendiri". Saya ingin menegaskan di sini bahawa kemudahan-kemudahan pencen Kerajaan untuk seseorang berpencen pada umur 40 tetapi tidak dapat menikmati pencen pada umur 40 dan ganjarannya pada umur 40, ini adalah satu perkara yang amat munasabah kerana kalau seseorang tadi pencen pada umur 40, ianya adalah sewajarnya di kalangan mereka yang bercadang untuk aktif cergas dalam bidang-bidang yang lain menyara hidup dalam kegiatan-kegiatan yang lain, selain daripada perkhidmatan Kerajaan. Oleh yang demikian, kemudahan pencen pada umur 40 tidak sewajarnya disertakan dengan harapan bahawa pencen itu mula dibayar pada umur 40, begitu juga ganjarannya. Jika seseorang kakitangan Kerajaan bercadang untuk bersara pada umur 40, maka sewajarnya pada umur yang cergas dari segi pemikiran, dari segi fizikal seseorang yang berkenaan itu mempunyai kemampuan untuk giat dalam kegiatan-kegiatan untuk menyara hidupnya dengan lebih bermakna bagi mereka.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa ini adalah satu perkara yang paling munasabah kerana peruntukan pencen itu adalah untuk

tujuan kemudahan sosial saraan hidup pada umur yang tua, bukan kemudahan itu untuk dinikmati semasa umur yang muda. Jadi, sepatutnya Yang Berhormat Puan Hajah Salbiah tidak melihat ini dalam konteks menepuk air di dulang hingga terpercik ke muka sendiri, bahkan sewajarnya memnperthakan amalan dan dasar Kerajaan seperti yang dapat saya terangkan sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja perkara-perkara yang dapat saya jawab dan jelaskan ekoran daripada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Salbiah dan saya ucapkan terima kasih di atas pandangan-pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa...

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Pasal 1 hingga 18 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Pertama diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG TELEKOMUNIKASI [PINDAAN]**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****6.19 ptg.**

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta untuk meminda Akta Telekomunikasi. 1950 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang yang dibentangkan untuk pertimbangan Dewan yang mulia ini adalah bertujuan memperkenalkan beberapa pindaan dan peruntukan baru kepada Akta Telekomunikasi 1950 serta mengemaskini beberapa peruntukan kepada Akta yang sama. Usaha ini bertujuan meningkatkan keberkesanan pengawalseliaan ke atas sektor telekomunikasi di negara ini. Akta Telekomunikasi sejak digubal pada tahun 1950 telah mengalami beberapa pindaan dari masa ke semasa. Pindaan-pindaan telah dibuat bagi menampung keperluan dan tuntutan perkhidmatan telekomunikasi semasa.

Pindaan-pindaan' yang terakhir telah dibuat di tahun 1985. Sejak kebelakangan ini, Kementerian telah merasakan perlu Akta Telekomunikasi 1950 dipinda sekali lagi. Langkah ini dirasakan perlu ekoran daripada perkembangan pesat yang telah berlaku di bidang telekomunikasi negara kita. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini kita telah menyaksikan satu perkembangan yang sangat pesat berlaku di sektor telekomunikasi. Perkhidmatan-perkhidmatan baru telah tumbuh dengan banyak dan beserta dengan itu, bilangan syarikat yang mengendalikan perkhidmatan telah juga bertambah. Ini juga bererti bilangan pulangan pengguna juga telah meningkat dengan banyak kali. Di antara perkhidmatan-perkhidmatan baru yang telah diperkenalkan dan yang telah berkembang pesat termasuklah MAYSIS, MAYFAC, Perkhidmatan Radio komunikasi seperti ATUR 450 dan 900, Siscetn Trunk Radio dan Paging. Selain daripada itu, perkhidmatan tambahan nilai, iaitu value added, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, seperti ATM dan Video Text juga telah diperkenalkan. Adalah dijangka corak pertumbuhan dan perkembangan sedemikian akan berterusan pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkembangan yang telah mendorong pihak Kementerian untuk membuat pindaan ke atas Akta berkenaan ialah mewujudkan sebuah Badan Kawalselia, iaitu Jabatan Telekom Malaysia. Ekoran daripada penswastaan Jabatan Telekom Malaysia dan penubuhan Syarikat Telekom Malaysia, Badan Kawalselia ini ditubuhkan bagi bertindak sebagai sebuah Badan Kawalselia dengan tujuan mengawalselia industri telekomunikasi. Bagi membolehkan Jabatan Kawalselia ini menjalankan tugasnya dengan berkesan, maka

adalah sangat perlu ianya dibekalkan dngan kuasa-kuasa yang mencukupi dan yang setimpal dengan cabaran-cabaran yang dihadapi dalara mengawalselia industri telekomunikasi negara yang sedang giat berkembang. Selain daripada itu, pindaan Akta ini juga dipinda bagi menyelaraskannya dengan Akta Penyiaran 1988.

Tuan Yang di-Pertuai perkembangan-perkembangan yang saya sebut itu memerlukan pindaan-pindaan tertentu dibuat ke atas Akta Telekomunikasi. Akta Telekomunikasi adalah akta induk yang menyediakan asas undang-undang bagi mengawalselia sektor telekomunikasi di negara ini. Maka adalah perlu bagi pihak Kerajaan memastikan Akta berkenaan sentiasa disesuaikan supaya dapat menampung segala Perkembangan di sektor yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan utama yang dicadangkan dan dapat dirumuskan di bawah beberapa tajuk seperti 'berikut:

- (a) Fasal 2, Rang Undang-undang bertujuan antara lain inemasukkan takrif baru, dengan izin, "authorized telecommunication officer" iaitu pegawai telekomunikasi yang diberi kuasa. Takrif baru tersebut dimasukkan selaras dengan kemasukan peruntukan mengenai penguatkuasaan yang mana akan dijalankan oleh pegawai telekomunikasi yang diberi kuasa. Dengan cadangan untuk memasukkan peruntukan baru mengenai penguatkuasaan dan untuk memberikan kuasa-kuasa sedemikian kepada pegawai-pegawai Jabatan Telekom Malaysia adalah perlu untuk memasukkan satu tafsiran, dengan izin, "authorized telecommunication officer" untuk membezakannya daripada pegawai-pegawai di bawah kawalan pelesen.

¹Di samping itu, takrifan "telecommunication officer" adalah juga dipinda untuk menjelaskan siapakah pegawai telekomunikasi setelah penswastaan. Dengan pindaan-pindaan ini, maka, dengan izin, "authorized telecommunicati-on officer" " bermakna pegawai-pegawai Jabatan Telekom Malaysia dan juga pegawai-pegawai pelesen.

Cb) Kuasa Menteri membuat peraturan. Menteri diberi kuasa untuk membuat peraturan mengenai telekomunikasi di bawah seksyen 7, Akta Telekomunikasi 1950 , dan mengenai radiokomunikasi di bawah Seksyen 40. Fasal 6 dan 26 Rang Undang-undang akan memasukkan perkara-perkara baru yang baginya Menteri boleh membuat peraturan-peraturan berhubung dengan telekomunikasi dan radiokomunikasi. Perkara-perkara baru ini termasuk penjualan, pemasangan dan penyelenggaraan peralatan.

Syarat-syarat kelayakan minimum orang-orang yang boleh memasang dan menyelenggara alat-alat telekomunikasi dan penggunaan Spectrum Frequency. Di bawah Akta Telekomunikasi, Menteri ' diberi kuasa" untuk membuat peraturan mengenai telekomunikasi di bawah seksyen 7 dan membuat peraturan mengenai radiokomunikasi di bawah seksyen 40. Kedua-dua seksyen ini dipinda dengan memperluaskan perkara-perkara di mana Menteri boleh membuat peraturan.

(c) Kenaikan kadar denda. Fasal 9 hingga 18 dan Fasal 24 Rang Undang-undang bertujuan menaikkan kadar denda bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta Telekomunikasi. Ini adalah untuk memastikan kadar denda adalah berpatutan dengan keberatan kesalahan selaras dengan perkembangan yang berlaku kini.

Kementerian ini mendapati lapangan telekomunikasi telah memainkan peranan yang penting dan merupakan satu sumber ekonomi yang berpotensi. Ianya adalah merupakan satu bidang perusahaan perdagangan berkembang pesat dan kini dikendalikan oleh pihak swasta. Bagi menjamin perkembangan dan keselamatan telekomunikasi, fungsi penyiasatan dan penguatkuasaan perlu dijalankan dengan cara yang berkesan.

Selaras dengan itu, kadar denda wajarlah berpatutan dengan keberatan kesalahan. Oleh itu, adalah dicadangkan diriaikkan kadar denda bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah seksyen-seksyen 21, 22, 23, 25, 26, 27, 28, 29, 30, 31 dan 39 Akta Telekomunikasi. Tuan Yang di-Pertua, kadar denda maksimum yang dicadangkan bagi kesalahan berat adalah \$100,000.

- (d) Penyelarasan dengan Akta Penyiaran 1988 Fasal 22 Rang Undang-undang bertujuan meminda seksyen 38 bagi memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang dilesenkan di bawah Akta Penyiaran 1988 untuk memasang, mengendalikan atau berniaga alat penerima siaran radio atau alat penerima siaran televisyen atau mana-mana orang yang dikecualikan di bawah seksyen 15 Akta itu tidaklah perlu memperolehi lesen di bawah seksyen 37(1) Akta Telekomunikasi untuk memasang, mengendalikan atau berniaga alat-alat penerima sedemikian.

Sekarang ini, mana-mana orang yang memasang, mengendalikan atau menjual alat radiokomunikasi adalah dikehendaki mendapatkan lesen di bawah seksyen 38(1) Akta Telekomunikasi. Walaupun begitu, mana-mana orang yang memasang, mengendali atau menjual alat penerima siaran radio atau televisyen adalah juga dikehendaki untuk mendapat lesen di bawah seksyen 14, Akta Penyiaran 1988. Akan tetapi, seksyen 17 Akta Penyiaran memperuntukkan bahawa apa-apa lesen berkenaan dengan alat penerima siaran radio atau TV yang dikeluarkan di bawah Akta Telekomunikasi adalah disifatkan sebagai telah dikeluarkan di bawah Akta Penyiaran. Oleh yang demikian, maka pindaan yang dicadangkan adalah untuk memasukkan satu proviso kepada seksyen 38(1) Akta Telekomunikasi untuk menjelaskan bahawa alat penerima siaran radio dan TV yang dilesenkan di bawah Akta Penyiaran tidak perlu dilesenkan di bawah Akta Telekomunikasi.

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf, bolehkah Yang Berhormat sambung esok?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dengan ini Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ini ditangguhkan sehingga hari esok pada pukul 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.